



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



MISYKAT AL-ULUM

مشكاة العلوم

Mencetus Idea Solusi Kontemporari Demi Ummah

2023

PUSAT PENYELIDIKAN FIQH SAINS DAN TEKNOLOGI
(CFIRST)

مشكاة العلوم

MISYKAT AL-ULUM

MENCETUS IDEA SOLUSI
KONTEMPORARI DEMI UMMAH

EDITOR
FARAHWAHIDA MOHD YUSOF

PUSAT PENYELIDIKAN FIQH SAINS DAN TEKNOLOGI (CFIRST)
2023

Edisi Pertama 2023
© **PUSAT PENYELIDIKAN FIQH SAINS DAN TEKNOLOGI (CFIRST) 2023**

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISSN 3009-1888

Editor: **FARAHWAHIDA MOHD YUSOF**
Editor Penyelaras/Acquisition Editor:
JUHAZREN JUNAIDI
ZULKIFLEE HARON
NURUL HUSNA MOHAMMAD SAIRI
SYAKIRAH ZAHAR
SITI NUR ATTIYA SHAMSUL AZHAR

Pereka Kulit / Cover Designer: **NURUL HUSNA BINTI MOHAMMAD SAIRI**

Diatur huruf oleh / Typeset by :
PUSAT PENYELIDIKAN FIQH SAINS DAN TEKNOLOGI (CFIRST)
IBNU SINA INSTITUTE FOR SCIENTIFIC AND INDUSTRIAL RESEARCH (ISI-SIR)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310, Johor Bahru, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak di Malaysia oleh / Published in Malaysia by :
PUSAT PENYELIDIKAN FIQH SAINS DAN TEKNOLOGI (CFIRST)
IBNU SINA INSTITUTE FOR SCIENTIFIC AND INDUSTRIAL RESEARCH (ISI-SIR)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310, Johor Bahru
MALAYSIA
emel : cfirst@utm.my
no tel : 07-5536031



PRAKATA

Misykat Al-Ulum merupakan satu wadah yang ringkas yang tercetus ketika CFIRST mengadakan lawatan kerja ke Institusi Teknologi Bandung (ITB).

CFIRST sentiasa berusaha untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang berasaskan tafsir al-Quran, hadis yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang sains serta isu- isu yang berkaitan ummah.

Bertepatan dengan objektif penerbitan majalah ini, masyarakat akan memperolehi serba sedikit mesej atau ilmu yang ingin disampaikan menerusi majalah ini.

Semoga Misykat Al-Ulum menjadi penjana untuk menyuburkan budaya ilmu dalam masyarakat kerana ilmu yang dikurniakan Allah S.W.T amat luas. Insyaallah.

*“Mencetus Idea Solusi Kontemporari
Demi Ummah”*

KELUARGA CFIRST



Kata Aluan Editor

**MISYKAT
AL ULUM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah,

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpahan rahmat serta izin-Nya, CFIRST berjaya menerbitkan majalah Misykat al-Ulum (مشكاة العلوم) bilangan ke 5 (2023) setelah terhenti buat sekian lama atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Sekalung penghargaan serta tahniah diucapkan kepada Sidang Editorial atas usaha yang berterusan dalam menyiapkan majalah ini sebagai wahana ilmu kepada warga UTM dan masyarakat umum.



**PROF. DR. FARAHWAHIDA
MOHD YUSOF**

Ketua Editor

Dalam rangka mengangkat amanah ilmu melalui pengajaran, penyelidikan, perundingan, penulisan serta penerbitan, CFIRST berusaha untuk mencapai matlamat yang telah digariskan sejajar dengan kehendak Universiti.

Penghasilan Misykat al-Ulum merupakan usaha kecil CFIRST untuk berkongsi pengetahuan dengan masyarakat melalui isu mahupun ilmu yang diketengahkan. Sedikit atau banyak bukanlah ukuran; yang penting keikhlasan serta kemanfaatan ilmu yang diamalkan secara berterusan. Moga penerbitan ini dapat memberi impak yang baik kepada warga pembaca. Terima Kasih

Kerana Tuhan Untuk Manusia.

Kata Aluan Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Dr. Aminudin Hehsan

Pengarah CFIRST

**Misykat al-'Ulum
merupakan satu makalah
ilmiah bersiri CFIRST
bermula tahun 2012.**

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas kejayaan menerbitkan majalah ini. Universiti Teknologi Malaysia mengambil inisiatif dalam memperkasa dan memperkukuh dasar-dasar kerajaan untuk memartabatkan Islam di negara ini.

Oleh itu, Pusat Penyelidikan Untuk Sains dan Teknologi Fiqh (CFIRST) telah ditubuhkan pada 21 Mei 2009. Pusat ini ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menjadi pusat rujukan untuk menyelesaikan masalah semasa yang timbul berdasarkan perundangan, sains dan teknologi.

Dengan wujudnya Misykat Al-Ulum, diharapkan majalah ini akan menjadi rujukan dan masyarakat akan dapat memahami mesej dakwah yang disampaikan

Akhir sekali, kalam Jazakillah Khairan Jazak dan tahniah kepada Sidang Editorial dan semoga segala gerak kerja ini akan memberi manfaat kepada ummah. Insya Allah. Sekian

*“Mencetus Idea Solusi Kontemporari
Demi Ummah”*

ISI KANDUNGAN



15 KONSEP PENYAKIT DAN PENGUBATAN ASPEK KEROHANIAN

sumber : <https://www.gettyimages.ie>



28

BAGIMU APA KAMU NIATKAN

Syarah Hadis



31

WANITA BERSIFAT RAHIM

Dedikasi khas untuk semua Ibu Angkat Susuan yang tidak mengenal erti putus asa.

MISYKAT AL-ULUM

01 KEISTIMEWAAN LEBAH

Lebah merupakan antara serangga yang disebut dalam al-Quran selain semut dan labah-labah.

05 RENUNGAN HATI

Menemukan kebermanaknaan hidup melalui hubungan dengan Allah

09 TOKOH

METODE UMUM TERAPI DALAM PEMIKIRAN PERUBATAN IBNU QAYYIM

24 KISAH ISTANA AJLOUN

Jordan adalah salah satu daripada empat negeri Levant, yang terletak di tengah-tengah Palestin, Syria dan Lubnan kaya dengan tamadun manusia purba.

34 AL-QURAN DAN ANASIR PENYAKIT

Al-Quran selaku 'penyembuh' (shifā') sentiasa menganjurkan agar manusia memelihara dan menjaga kesihatannya.

SIDANG EDITORIAL

Penasihat : Dr. Aminudin bin Hehsan
Ketua Editor : Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof
Editor : Dr. Juhazren bin Junaidi
Dr. Zulkiflee bin Haron
Pn. Nurul Husna binti Mohammad Sairi
Cik Siti Nur Attiya binti Shamsul Azhar
Cik Syakirah binti Zahar

Percetakan : Pn. Nurul Husna binti Mohammad Sairi



BANGUNAN N31,
INSTITUT IBNU SINA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310, JOHOR BAHRU



<https://research.utm.my/cfirst/>



cfirstutm

Keistimewaan Lebah

Farahwahida Mohd Yusof, Adibah Abdul Latif, Zilal Saari, Nurul Husna Muhammad Sairi
Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia



Allah SWT berfirman dalam al-Quran (Surah al-Nahl, 14: 68-69) yang bermaksud: "Dan Tuhan mewahyukan kepada lebah, "Buatlah rumah (sarang) di bukit-bukit, di pohon-pohon dan di bangunan-bangunan yang didirikan manusia!" Kemudian diwahyukan Tuhan lagi, "Makanlah (hisaplah) dari beraneka jenis buah-buahan dan turutlah jalan Tuhanmu yang telah dibentangkanNya bagimu." Dari perut lebah itu keluar minuman (madu lebah) yang bermacam-macam warnanya. Madu lebah itu ubat bagi manusia. Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan."

Lebah merupakan antara serangga yang disebut dalam al-Quran selain semut dan labah-labah. Sifat lebah yang hidup secara berkumpulan dan bekerja berasaskan pembahagian tugas serta disiplin tertentu merupakan ibrah dan panduan yang seharusnya manusia teladani. Ayat di atas memperlihatkan Allah SWT memerintahkan lebah membuat sarangnya di tempat-tempat tertentu. Daripada sifat inilah, lebah memilih nutrien-nutrien yang istimewa dari khazanah alam bagi menghasilkan madu.

Perkataan 'rumah' dalam ayat al-Quran di atas disesuaikan dengan manusia bagi menampakkan tempat yang sesuai dengan kehidupan manusia. Sarang lebah mempunyai rekaan yang sangat baik. Ruangnya diatur sehingga mengizinkan perubahan suhu dengan optimal. Setiap ruang mempunyai bentuk heksagon segi enam yang merupakan satu-satunya struktur geometrik yang dapat memaksimumkan ruang. Oleh itu, untuk 'menghasilkan' manusia yang baik, maka fungsi rumah bukan sekadar menyediakan bilik yang mencukupi tetapi dilengkapi dengan pendidikan dan pengajaran.

Lebah telah mula dikenali sejak zaman dahulu. Ini terlihat daripada lukisan di dinding tempat ibadah orang Mesir kuno pada tahun 3500 SM. Masyarakat Mesir kuno mengetahui cara lebah bekerjasama dalam membuat sarang di samping hidup berdisiplin dalam kelompok mereka. Dalam kitab perjanjian lama (Taurat), negara Mesir dikenali sebagai negara pengeluar madu dan susu.



sumber : <https://www.detik.com/edu/>

JENIS-JENIS LEBAH

1. Ratu
2. Lebah Jantan
3. Lebah Betina Pekerja
4. Keluarga Lebah Madu

Setiap jenis lebah ini mempunyai peranan dan tugas tersendiri. Kesemua kelompok lebah ini berusaha menghasilkan madu. Madu hanya dapat dihasilkan setelah lebah menghisap sari bunga. Lebah terbang jauh dari sarangnya bagi mendapatkan ladang bunga yang baik. Sesuatu yang unik ialah lebah akan memberi isyarat penemuan ladang bunga bermutu tinggi melalui "tariannya".

Tarian ini turut diadakan bagi pencarian sumber air. Air yang diperolehi akan di bawa ke sarang dan disalurkan ke lubang-lubang sarang. Sayap akan berfungsi sebagai kipas (pendingin) yang sangat efektif. Pada suhu udara 130oF sistem ini dapat mendinginkan sarang sehingga suhu 90oF.

Selain itu, selama perjalanan ke sarangnya, lebah akan mengeluarkan lidahnya untuk mendapatkan sinar matahari bagi membantu mengurangkan kadar air dan pengentalan bakal madu.

Proses pembentukan madu akan dibuat di sarang lebah. Lebah akan mengeluarkan zat peragi dan air liurnya pada bakal madu lalu merubahnya dari gula tebu (sukros) menjadi gula buah-buahan yang disebut levulose dan dextrose.

SPESIS LEBAH DI MALAYSIA


Di Malaysia terdapat tiga spesis lebah madu iaitu Apis Cerana (Lebah Kampung), Apis Dorsata (Lebah Tualang) dan Apis Florea (Lebah Lalat). Apis Cerana atau Lebah Kampung merupakan jenis yang biasa dilihat di Malaysia. Merupakan spesis yang kurang garang dan mudah dipelihara. Lebah jenis ini membuat sarang kira-kira 15m atau 50 kaki daripada permukaan tanah. Sarang-sarangnya boleh ditemui di bumbung rumah, dalam reban ayam atau kepek padi, tempat salai kelapa, dalam lubang batang kelapa dalam almari dan dinding berlapis. Bilangan individu di dalam satu sarang antara 2,000 hingga 20,000.



<https://maduserikayangan.com>

Spesis kedua iaitu Apis Dorsata atau lebih dikenali sebagai Lebah Tualang merupakan lebah liar yang banyak didapati di dalam hutan serta suka berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Biasanya spesis ini akan membuat sarang di dahan-dahan pokok, gua dan bangunan tinggi. Ketinggian membuat sarang ialah 15 m dari permukaan tanah. Pokok-pokok yang sering menjadi tumpuan lebah ini ialah pokok tualang, sepetir, simpoh dan kedondong. Saiz tubuh lebah spesis ini dua kali lebih besar daripada Apis Cerana. Panjang Ratunya kira-kira 2cm manakala Lebah Pekerja 1.5cm.

Bilangan individu dianggarkan sebanyak 50,000 hingga 70,000. Satu kloni sarang boleh menghasilkan madu sebanyak 40kg hingga 50kg dan madunya lebih banyak khasiat berbanding madu yang dihasilkan oleh lebah lain. Lebah jenis ini sangat garang dan mudah menyengat. Spesis ketiga ialah Apis Florea atau Lebah Lalat; iaitu jenis yang terkecil sekali.



sumber: <http://www.yourarticlelibrary.com/>

Lebah jenis ini pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan sering membuat sarang di atap rumah dan di ranting pokok. Penghasilan madunya terlalu sedikit dan ia tidak dipelihara oleh orang ramai kerana tidak menguntungkan.

PENGHASILAN DARIPADA LEBAH

1. Royal Jeli
2. Madu
3. Sengat/Racun

Banyak hadis nabi s.a.w. yang menceritakan kelebihan madu lebah. Antaranya hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Said al-Khudri r.a. yang bermaksud:

Seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata, "Sesungguhnya perut saudaraku mengembung." Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, "Berilah dia minum madu." Lelaki itu memberi saudaranya minum madu, tetapi kemudian dia datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata, "Wahai Rasulullah! Aku telah memberinya minum madu tetapi perutnya semakin kembung." Baginda bersabda, "Pergilah dan beri dia minum madu." Lelaki itu lalu pergi dan member saudaranya minum madu tetapi kemudiannya dia datang lagi seraya berkata, "Wahai Rasulullah, madu itu hanya menambah kembung perutnya." Rasulullah sa.w. bersabda, "Maha Benar Allah SWT dan perut saudaramu berdusta. Pergilah dan beri dia madu lagi." Lelaki itu pergi, kemudian member saudaranya minum madu, dan akhirnya dia sembuh.



Antara unsur yang terdapat dalam madu ialah air, protein, fruktosa, glukosa, sukrosa, nitrogen, karbon, dextrin dan lain-lain. Manakala hampir seluruh vitamin yang diperlukan oleh tubuh manusia terkandung dalam madu seperti vitamin A, vitamin B1, vitamin B2, vitamin B3, vitamin B5, vitamin B6, vitamin D, vitamin K, vitamin E dan vitamin H.

sumber : <https://pembekalmadu.com/>

KHASIAT MADU DAN MANFAAT BISA LEBAH

Maksud firman Allah SWT (Surah al-Nahl, 16: 69): Dari perut lebah itu keluar minuman (madu lebah) yang bermacam-macam warnanya. Madu lebah itu ubat bagi manusia. Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan.

1. Bisa lebah dan partikel nano mampu menyembuhkan HIV/AIDS.

(sumber: <http://spectrum.ieee.org/nanoclast/semi-conductors/nanotechnology/nanoparticle-carrying-bee-venom-could-prevent-hiv-infection-and-cure-it>)

2. Bisa sengatan lebah boleh digunakan untuk mengesan bahan letupan.

(sumber: <http://www.majalahsains.com/2012/01/bisa-sengatan-lebah-mampu-mengesan-peledak>)

3. Madu membunuh bakteria.

(sumber: <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3758027/>)

4. Madu menjaga kadar gula dalam darah

(sumber: [http://jocpr.com/second-issue/J.%20Chem.%20Pharm.%20Res.,2010,%202\(1\).%20385-395.pdf](http://jocpr.com/second-issue/J.%20Chem.%20Pharm.%20Res.,2010,%202(1).%20385-395.pdf))

5. Khasiat madu pada jantung.

(sumber: <http://www.ijpbs.net/vol-3/issue-2/pharma/3.pdf>)

6. Madu sebagai rawatan katarak

(sumber: <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3758027/>)

7. Madu sebagai antibiotic

(sumber : <http://www.honeybunny.ca/education/edu-PDFs/Honey-Health-Review-Final-Report-August-2007.pdf>)

HIKMAH DARI PENCIPTAAN LEBAH

Lebah sebagai haiwan yang kecil, mempunyai pelbagai kelebihan. Penciptaannya membawa pelbagai pengajaran buat manusia antaranya:

1. Lebah hanya makan makanan yang baik maka ia menghasilkan madu yang baik lagi berkhasiat. Seperti halnya manusia hendaklah makan dari sumber yang baik serta halal.

2. Lebah menghasilkan madu yang bermanfaat buat manusia. Justeru hendaklah kehidupan manusia bermanfaat kepada diri sendiri dan orang lain.

3. Lebah membuat sarangnya sesuai dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Demikian pula dengan manusia hendaklah hidup berpegang kepada syariat yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

4. Setiap kali menghasilkan madu, lebah tidak pernah mematahkan dahan yang menjadi tempatnya berpijak. Justeru janganlah membuat kerosakan di atas muka bumi ini.

5. Ketika lebah diganggu, mereka akan menyerang bersama-sama meskipun harus mengorbankan jiwa mereka. Ini adalah sikap yang perlu dicontohi dalam semangat berpesatuan perlukan pengorbanan, melindungi dan tetap dengan tanggungjawab.



Sumber: <http://www.sayangi.com/media>

KESIMPULAN

Salah satu cara untuk memahami bahawa sesuatu jenis haiwan itu diciptakan untuk kepentingan manusia adalah dengan melihat apa yang dihasilkan lebih banyak daripada keperluan untuk generasinya. Ini jelas berlaku pada lebah kerana hampir semua hasil yang diperolehi darinya adalah untuk kegunaan manusia. Maha Suci Allah yang menciptakan makhluk sekecil lebah dengan manfaat yang begitu besar.



sumber : <https://pembekalmadu.com/>

RUJUKAN

- 1) Ahmad Syawqi Ibrahim. 2004. Al-I'jaz 'Ilmi fi al-Hadith al-Nabawi: al-Hasyarat ath Thufayliyat al-'Ankabut al-Mikrawbat. Translated by Misbah Em Madjidy. Bandung: Sygma Publishing.
- 2) Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail. (t.t.) Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Fikr.
- 3) Al-Quran al Karim Rasm Uthmani. 2010. Terjemahan Bahasa Melayu Beserta Keterangan Ayat. Perak: Bumirestu Creative Sdn. Bhd.
- 4) Harun Yahya. (2004). Wonders Of Allah's Creation. Terj.: Keajaiban Ciptaan Allah. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media sdn. Bhd.
- 5) Indra Kusumah, SKL & S.Psi. (t.t.). Panduan Diet Cara Rasulullah SAW. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- 6) Joshua L Hood, et. al., (2012). "Cytolytic Nanoparticles Attenuate HIV-1 Infectivity", Antiviral Therapy.
- 7) Muslim, Abu Husayn bin al-Hajjaj. (t.t.) Sahih Muslim. Beirut: Dar al-Fikr.
- 8) Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. http://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idstopic=58&idskandungan=208&id=735
- 9) Quraish Shihab. (2008). Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an. c. X. Jakarta: Lentera Hati.
- 10) Yusuf al-Hajj Ahmad. (2012). Mausū'ah al-I'jaz al-'Ilmi Fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Mutahharah. Translated by Hj. Abu Maula and friends. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishing.
- 11) Zaghlul el-Naggar. (2007). Tafsir al-Ayat al-Kawniyyat fi al-Quran al-Karim. Cairo: Maktabah al-Syuruq al-Dauliah.

Renungan Hati: Menemukan Kebermaknaan Hidup Melalui Hubungan Dengan Allah

sumber : <https://brands.utm.my>

Hidup Ini Hanya Untuk Allah: Ibadah yang Tak Terbatas

Adibah Abdul Latif, Farahwahida Mohd Yusof, Nurul Husna Mohammad Sairi
Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia

Seringkali kita merasa terjebak dalam rutin seharian mengurus pekerjaan, keluarga, dan tanggung jawab lainnya sehingga kita mungkin lupa bahawa tujuan hakiki kita hidup di dunia ini adalah untuk beribadah kepada Allah.

Kata "ibadah" di sini bukan hanya merujuk kepada ritual keagamaan seperti solat dan puasa. Sebenarnya, setiap tindakan kita—kerja, berhubungan dan bermuamalah dengan orang lain, bahkan makan dan tidur—dapat menjadi bentuk ibadah jika dilakukan dengan niat yang tulus dan sesuai dengan ajaran Islam.

Sebuah ayat Al-Quran mengingatkan kita:

Maksudnya : "Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku"

(Al-Quran, 51:56).

Dalam konteks ini, 'menyembah' bererti menjadikan Allah sebagai fokus dalam setiap aspek kehidupan, iaitu kita harus selalu berupaya untuk menyenangkan-Nya (to please Him) dalam apa pun yang kita lakukan.

Manusia yang Hebat: Menemukan Kecilnya Kita dan Besarnya Allah

Ada momen saat kita melihat burung memberi makan kepada anaknya, atau bunga yang mekar, dan kita merasa ada sesuatu yang lebih besar dari sekadar fenomena alam. Itu adalah tanda-tanda kebesaran Allah. Rasulullah SAW berbicara tentang pentingnya menyadari tanda-tanda ini.

Beliau bersabda, "Tidaklah seseorang beriman hingga dia merasakan apa yang terjadi padanya adalah baik, dan itu hanya akan terjadi pada orang yang beriman" (Hadis dari Sahih Muslim).

Jadi, manusia yang hebat adalah mereka yang mampu melihat dan merasakan keberadaan Allah dalam segala aspek kehidupan, tidak kiralah samada momen itu adalah besar mahupun kecil.



sumber : <https://www.hmetro.com.my/>

Bersangka Baik dengan Allah: Kekuatan Terbesar dalam Menghadapi Ujian



sumber : <https://www.haraki.my/>

Di dunia ini, kita akan mengalami pelbagai jenis kesulitan. Namun, bagaimana kita menghadapinya akan menentukan natijah dalam hidup kita. Jika kita selalu bersangka baik dengan Allah, kita akan merasa lebih tenang dan penuh harapan, sekalipun di tengah badai kehidupan.

Sebuah hadis dari Rasulullah SAW mengungkapkan,

" Perkara setiap mukmin itu menakjubkan. Sesungguhnya setiap urusan mereka adalah kebaikan. Hal ini tidak terjadi kepada seorang pun kecuali bagi orang mukmin. Apabila ia mendapat kebahagiaan, maka ia bersyukur, maka itu baik baginya, dan apabila ia mendapatkan keburukan, maka ia bersabar, dan itu pun baik baginya (Hadis dari Sahih Muslim).

Bersangka baik dengan Allah bukan berarti kita tidak akan pernah menghadapi kesulitan, tetapi itu berarti kita selalu memiliki harapan dan kepercayaan bahwa Allah akan membawa kita keluar dari kesulitan tersebut.

Kisah Motivasi: Pengajaran dari Kesabaran Nabi Ayub AS



sumber : <https://www.hariansuara.com/news/motivasi>

Salah satu kisah yang paling menginspirasi adalah perjalanan hidup Nabi Ayub AS. Beliau dikenal sebagai symbol kesabaran dalam menghadapi ujian. Dengan kehilangan harta, keluarga, dan kesehatan, banyak dari kita mungkin akan merasa putus asa. Namun, Nabi Ayub AS tetap yakin bahwa ini semua adalah bagian dari perancangan Allah yang lebih besar.

Bahkan dalam penderitaannya, beliau tidak pernah berhenti mengaitkan dirinya dengan kebesaran Allah. Akhirnya, Allah memulihkan segala yang hilang dari Nabi Ayub AS dan memberinya lebih dari sebelumnya sebagai penghargaan atas kesabarannya. Kisah ini mengingatkan kita bahwa dengan mengaitkan diri kita dengan Allah, kita akan memperoleh kekuatan untuk menghadapi apa jua rintanga dan cabaran.

Kehidupan Tanpa Tujuan Hakiki: Penyesatan yang Tersembunyi

Banyak orang yang merasa puas dengan pencapaian dunia—harta, tahta, dan wanita—tanpa menyadari bahwa semua itu adalah sementara. Allah berfirman,

Maksudnya : "Dan barangsiapa berpaling dari peringatanKu, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit"
(Al-Quran, 20:124).

Ini adalah peringatan bagi kita semua. Tanpa mengaitkan diri dengan Allah, kita mungkin akan tersesat dan kehilangan arah dalam kehidupan ini.



sumber : <https://u-channel.tv/penyesatan-menjelang-akhir-zaman/>

Kesimpulan: Kembali kepada Allah

Hidup ini penuh dengan kejutan dan cabaran, namun jika kita selalu mengaitkan segalanya dengan Allah, kita akan menemukan kekuatan dan kebijaksanaan untuk menghadapi apapun jua.

Allah adalah pusat graviti dalam kehidupan kita, yang memberi kita orientasi dan tujuan. Jadi, mari kita usahakan untuk selalu menjadikan-Nya sebagai fokus dalam segala yang kita lakukan, nescaya kehidupan kita akan penuh dengan kebermaknaan, kebahagiaan, dan kedamaian.



sumber : <https://www.dancow.co.id/artikel>

METODE UMUM TERAPI DALAM PEMIKIRAN PERUBATAN IBNU QAYYIM

Zulkiflee Haron, Aminudin Hehsan, Juhazren Junadi, Kasmawati Gumanti
Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Berasaskan kepada pemerhatian pengubatan aspek rohani (tibb al-qulub) dan fizikal (tibb al-abdān) maka kedudukan dan punca penyakit dapat dikenalpasti. Hal ini perlu berdasarkan kepada penerapan konsep asas kebersilangan (al-ishtibāk) dan kaedah pengubatan yang difahami dan diyakini lebih bersifat holistik. Sebelum meneruskan perbincangan tentang metode, prinsip dan syarat yang merujuk kepada terapi kesihatan dan pengubatan, gambaran umum mengenai konsep asas dapat diperhatikan dalam bahagian mukaddimah kitab perubatan Ibn Qayyim ketika menjelaskan tugas sebagai tabib hādhiq (dokter dan pengamal pengubatan).



sumber : <https://www.islamicity.org/>



sumber : <https://lamanfalaksmkbb.wordpress.com/>

METODE-METODE UMUM TERAPI

Ibn Qayyim, menyebut bahawa terdapat tiga pendekatan metode terapi dalam Tibb al-Nabawiyy. Beliau merumuskan ketiga-tiga prinsip ini dengan berlandaskan kepada ayat-ayat al-Quran yang menyentuh tentang rukhsah yang diberikan kepada orang berpenyakit ketika melaksanakan ibadah solat, puasa dan haji. (Zād al-Ma'ād, 1992, 4:146 dan Rozali Muhammad Isa (2002), 40-43) Ketiga-tiga prinsip ini perbincangannya seperti berikut iaitu:

1) Penjagaan Kesihatan (Hifzu al-Sihhah)

Ibn Qayyim dalam kitab perubatannya memuatkan perbincangan mengenai pemeliharaan kesihatan dalam (fasal 55-65). Sehubungan dengan kaedah ini beliau menjelaskan dalam pendahuluan kitab perubatannya dengan menukilkan dan mengemukakan istinbath menerusi firman Allah SWT :


Maksudnya : *"...Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain..."*

Surah al-Baqarah (2:184)

Dalam ayat ini, Allah SWT membenarkan orang yang musafir untuk berbuka puasa bertujuan menjaga kesihatan dan kekuatannya. Berdasarkan pendekatan ini juga dapat diperhatikan Ibn Qayyim menggunakannya dalam kaedah terapi merawat pesakit kerana menurutnya penyakit akan dapat disembuhkan dengan mengembalikan kekuatan sistem dalaman diri yang diciptakan Allah SWT untuk melawan penyakit.

Oleh yang demikian, salah satu usaha yang harus dilakukan oleh doktor atau pengamal perubatan ketika berhadapan dengan pesakit adalah dengan memberi atau mencadangkan pengambilan makanan tambahan yang dapat memulihkan tenaga dan kekuatan tubuhnya. Pemeliharaan kesihatan boleh disifatkan sebagai penyelesaian jangka panjang dan persediaan awal atau persiapan dalam menghadapi segala kemungkinan berlakunya serangan penyakit. Sebaliknya, rawatan pula boleh disifatkan sebagai penyelesaian jangka pendek dan segera terhadap masalah kesihatan dalam bentuk serangan penyakit.

Memerihalkan kenyataan di atas, menurut Osman Bakar bidang ilmu perubatan yang praktikal mengandungi dua cabang iaitu penjagaan kesihatan yang dikenali sebagai *hygien* atau *hifz al-sihah* dan rawatan pula dikenali sebagai *therapeutics* atau '*ilm al-'ilāj*'. Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa penjagaan kesihatan mencakupi enam prinsip utama. Ia dikenali sebagai *sittah daruriyyah* iaitu; Udara (*hawā*), makanan dan minuman (*ma'kul wa mashrub*), tidur dan berjaga (*naum wa yaqazah*), pergerakan dan ketenangan badan (*harakah wa sukun badani*), pergerakan dan ketenangan jiwa (*harakah wa sukun nafsani*), perkumuhan dan ritensi - ketidakmampuan mengeluarkan air kencing yang tersimpan dalam pundi kencing yang boleh mengakibatkan akut dan sakit atau kronik dan tidak sakit - (*istifrāgh wa ihtibās*).



sumber : <http://www.myhealth.gov.my/>

Rawatan yang dikenali sebagai terapi pula terbahagi kepada enam bahagian. Ia mengandungi kaedah rawatan secara berkala (*'ilāj bi al-tadbir/regimental therapy*), rawatan secara makanan seimbang (*'ilāj al-ghidhā'/dietotherapy*), rawatan secara ubatan (*'ilāj bi al-dawā'/ pharmacotherapy*) dan rawatan secara pembedahan (*'ilāj bi al-yad/ surgery*).

Ibn Qayyim selepas menegaskan bahawa terapi yang utama bagi diri dan orang lain itu adalah menjaga kesihatan hingga dapat mengekalkan keseimbangan unsur panas (al-harārah) dan lembap (al-rutubah) yang dapat mengekalkan kemudahan, kesihatan dan kekuatan. Beliau merumuskan menerusi hasil pemerhatian (ta'ammul) terhadap panduan Nabi s.a.w. bahawa penjagaan kesihatan sangat bergantung kepada pengurusan yang baik (husn al-tadbir) beberapa elemen berkaitan.

Elemen tersebut merangkumi aspek penjagaan makanan dan minuman, pakaian, tempat kediaman, pengudaraan, tidur dan berjaga, pergerakan, kerehatan, hubungan kelamin, perkumuhan dan ritensi. Perbincangan aspek yang dinyatakan beliau akan dilanjutkan perbahasan seterusnya dalam bab metod terapi al-shifā' Ibn Qayyim.

Ibn Qayyim turut menukikan penerapan kaedah ini dalam kitabnya Ighāthatu al-Lahafan min mashāyidi al-syaitān sebagai hifzhu al-quwwah. Memelihara kekuatan hati dapat dilakukan dengan cara meningkatkan keimanan, memperbanyak melakukan ibadah dan segala amalan soleh seperti membaca al-Quran dengan menghayati kandungan maknanya, berzikir, mempelajari ilmu agama yang bermanfaat terutamanya ilmu tauhid dan cabang-cabang ilmu keagamaan yang lain.



sumber : <https://www.dompethuafa.org/>

2. Perkumuhan atau Mengeluarkan Unsur-Unsur Perosak (al-Istifrāgh 'an mawād al-fāsidah)

Metode pembuangan bahan-bahan berbahaya daripada tubuh termasuk dalam kategori terapi kaedah rawatan penyakit fizikal kerana memasukkan dan keberadaan material berbahaya tersebut akan menjejaskan kestabilan sistem dan fungsi tubuh. (Ibid, 1992, 4 : 6) Sehubungan dengan metode ini Ibn Qayyim merakamkan firman Allah SWT :

Maksudnya : *"...Jika ada di antaramu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu ia bercukur), maka wajiblah atasnya berfidyah, iaitu berpuasa atau bersedekah atau berkorban..."*

(Surah al-Baqarah, 2 : 196)



sumber : <https://www.liputan6.com/>

Beliau menjelaskan, dalam ayat ini Allah SWT membolehkan bagi orang yang sakit atau orang yang ada masalah di kepalanya sama ada berupa gatal-gatal, kutu dan sebagainya supaya mencukur rambut ketika berada dalam ihram.

Melalui kaedah bercukur ini akan dapat memberikan laluan keluar wap-wap atau angin dari liang-liang halus pada kulit kepala. Keadaan ini dapat dikiaskan pada setiap sesuatu yang tertahan menjadi penyebab kepada penyakit seperti berlebihan darah, limpahan sperma, air mani, kotoran, angin, muntah, tidur, lapar dan dahaga.


Berdasarkan kepada metode terapi ini, Ibn Qayyim menjelaskan menerusi kaedah berbekam (fasal 12-13). Hijamah atau berbekam adalah salah satu kaedah terapi untuk mengeluarkan toksik, unsur-unsur yang mengotori darah dan sel-sel darah yang rosak kerana tua atau mati.



sumber : <https://harakahdaily.net/>

Kaedah pemotongan urat dan penggunaan besi panas dijelaskan dalam (fasal 14) dan mencuci perut dengan kaedah muntah dalam (fasal 36) adalah termasuk kaedah terapi rawatan menerusi pembuangan bahan-bahan berbahaya daripada tubuh.

Menurut Ibn Qayyim kaedah Istifrāg al-mawādd al-Fāsidah terhadap penyakit berkaitan hati pula dapat dilakukan dengan cara menghilangkan atau membersihkan bekas-bekas kotoran dan noda-noda hitam dalam hati yang rosak. Unsur perosak hati ini adalah akibat dari perlakuan dosa dan maksiat yang pernah dilakukan. Beliau selanjutnya menjelaskan beberapa langkah terapi antaranya dengan beristighfar memohon keampunan dan bertaubat dengan taubat nasuha (ikhlas dan bersungguh-sungguh) kepada Allah SWT.



sumber : <https://www.suara.com/news/2022>

3 Berpantang atau Pencegahan (al-Himyah 'an kull al-mu'dhi)

Pencegahan daripada unsur-unsur berbahaya yang merosakkan tubuh dan berpantang dibincangkan oleh Ibn Qayyim secara khusus dalam (fasal 25) adalah metode rawatan yang berkesan dalam rawatan dan pemeliharaan kesihatan.

Tegas beliau bahawa kaedah pencegahan terhadap sesuatu yang merosakkan atau berpantang dan menjaga kesihatan adalah dua kaedah terapi, apabila sudah dilakukan keduanya namun masih belum berhasil, maka perlu kepada kaedah terapi ketiga iaitu; Istifragh yang sesuai bagi mengeluarkan unsur yang merosakkan.

Sehubungan dengan metode ini, beliau menjelaskannya bersandarkan firman Allah SWT :

Maksudnya : *"...Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau kembali dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air, maka bertayammumlah kamu dengan tanah yang baik (suci)..."*.

Surah al-Nisā' 4: 43

Ibn Qayyim mengeluarkan istinbath menerusi firman Allah SWT di atas, membolehkan bagi orang sakit yang terhalang daripada menggunakan air untuk bersuci dengan bertayammum menggunakan debu sebagai pengganti.

Keringanan ini bertujuan mencegah daripada bertambahnya sakit dan mengelakkan penyakit yang dihadapi semakin parah. Berpantang itu dalam dua keadaan iaitu: Pertama ialah berpantang dari makanan yang boleh mendatangkan penyakit bagi yang sihat dan yang kedua ialah berpantang dari makanan yang boleh menambahkan penyakit bagi yang sakit.

Menjurus kepada aspek penyakit hati, Ibn Qayyim menegaskan bahawa melalui kaedah al-Himyatu 'an al-Mu'dzi dapat diterapkan dengan menjaga hati dari punca-punca yang mendorong dan mempegaruhi kepada timbulnya penyakit ini. Hal ini dapat dilakukan dengan cara menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan dosa, maksiat dan pelanggaran terhadap syariat Allah SWT kerana perbuatan tersebut menjadikan penyakit hati semakin bertambah parah.



sumber: <https://fatehteam.com/hati-yang-dicintai-allah>

Penggunaan tiga kaedah yang tersebut di atas adalah antara kaedah terapi rawatan berdasarkan kepada istinbat yang dilakukan oleh Ibn Qayyim menerusi penelitian dan pengamatan terhadap beberapa ayat al-Quran dalam situasi dan kondisi yang berasingan.

Selain daripada pengamatan terhadap ayat-ayat al-Quran beliau turut mengemukakan kaedah tersebut menerusi kombinasi pengamatan dan kajian terhadap hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menyentuh tentang kaedah rawatan penyakit fizikal.

Perbincangan tiga metode terapi rawatan tersebut yang berhubung dengan aspek penyakit fizikal, implimentasinya sering diterapkan dalam fasal-fasal rawatan kitab al-Tibb al-Nabawi.

Namun, penerapan tiga usul terhadap kaedah rawatan aspek rohani dapat diperhatikan secara khusus dalam karya penulisan yang lain di samping penekanannya secara ringkas turut di terapkan juga dalam beberapa fasal rawatan kitab perubatannya.

Penekanan Ibn Qayyim terhadap usul-usul tersebut menjadi asas utama dan metode umum terapi kesihatan dan pengubatan dalam pemikiran perubatan beliau. Bersandarkan tiga usul kaedah umum terapi rawatan yang dikemukakan oleh beliau ini tidak bermaksud menghadkan hanya kepada tiga usul kaedah terapi ini sahaja dan menolak kaedah terapi yang lain.

"Kaedah yang digunakan untuk merawat penyakit antaranya berbekam, pemotongan urat, penggunaan besi panas dan membersihkan perut menerusi kaedah muntah. Keseluruhan kaedah tersebut terkandung dalam dua usul metode umum terapi iaitu melalui pencegahan dan pembuangan unsur-unsur atau bahan-bahan berbahaya yang merosakkan sistem dan organ tubuh. Hal yang tersebut dinukilkan menerusi riwayat al-Bukhari bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud :

Kaedah rawatan penyakit ada tiga kategori iaitu minuman madu, berbekam dan dengan besi panas dan aku melarang ummatku merawat dengan besi panas"

Ibn Hajar al-'Asqalāni, (1988, 10 :210-211) mengulas hadis tersebut dengan kenyataan bahawa :

"Nabi s.a.w. tidak bermaksud membataskan hanya kepada tiga (minum madu, berbekam dan pembakaran dengan api), maka sesungguhnya kesembuhan itu boleh jadi berlaku dengan selainnya dan sesungguhnya Nabi s.a.w. memberi penekanan kepada asas utama rawatan"

KESIMPULAN

Ibn Qayyim menegaskan bahawa ketiga-tiga prinsip tersebut sebagai metode dan usul bagi rawatan fizikal dengan menyatakan firman Allah SWT dan panduan Nabi s.a.w. sebagai sandaran dalam menjelaskan perkara berkaitan. Bahkan beliau turut mengaplikasikannya dalam berbagai kaedah terapi kerohanian yang dikenali sebagai “usul al-Thalāthah”.

Keumuman ketiga-tiga metode ini, meliputi sama ada dalam proses terapi rawatan mahupun penggunaan ubatan dalam ikhtiar mengharapkan kesembuhan.

Keperluan dalam memahami metode usul ini juga adalah suatu tuntutan yang selayaknya dimiliki oleh para doktor atau pengamal pengubatan bahkan secara tidak langsung ia juga menjadi suatu keperluan yang tidak terpisah dari setiap individu yang ingin terus kekal sihat mahupun pesakit yang mengharapkan untuk segera beroleh kesembuhan.

RUJUKAN

- 1) Anees, Munawwar A. & Hamarneh, Sāmi, K., (1983), *Health Sciences in Early Islam*, Noor Health Foundation and Zahra Publications, Texas.
- 2) Ibn Hajar al-'Asqalāni, al-Imām al-Hafiz Ahmad bin 'Ali, (1988), *Fath al-Bārī bi Sharh Sahih al-Bukhārī*, Cet. 2, Dār al-Bayān li al-Turath, Kaherah.
- 3) Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1992), *Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khair al-'Ibād*, tahkik, takhrij dan ta'liq oleh Shu'aib dan 'Abd al-Qadir al-Arnauth, Muassasah al-Risālah, Beirut.
- 4) Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1961), *Igāthāt al-Lahfān Min Mashāyidi al-Syaitān*, Tahkik: Muhammad Sayyed Kailaniy, Mustafhā al-Babiy al-Halabiy, Kaherah.
- 5) Osman Bakar, (2008), *Tauhid and Science: Islamic Perspectives on Religion and Science*, ed. 2, Arah Publications, Kuala Lumpur.
- 6) Rozali Muhammad Isa (2002), *al-Tibb al-Nabawiy Panduan Rawatan Perubatan Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah li Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, Percetakan Zafar Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

KONSEP PENYAKIT DAN PENGUBATAN ASPEK KEROHANIAN

Aminudin Hehsan
Zulkiflee Haron
Zilal Saari
Mohd Fauzi bin Abu@Hussin

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia

MANUSIA DAN KEKUATAN FITRAH

Sesungguhnya Allah SWT di samping penciptaan manusia turut juga membekalkan kesempurnaan fitrah yang berupaya memelihara dan menjaganya dari unsur-unsur yang merosakkan. Fitrah ini juga dilihat sebagai kesediaan untuk menerima segala kebaikan berpandukan petunjuk dari Allah SWT dari satu aspek (spiritual immune system) dan aspek lainnya sebagai kekuatan fitrah jasmani (physical immune system).

Maksud firman Allah SWT :

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada peubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu!”

(Surah al-Rum, 30 : 30)



sumber : <https://www.vectorstock.com/>

Pertentangan terhadap fitrah ini pada hakikatnya akan mengakibatkan berlakunya penurunan kualiti dalam diri manusia mencakupi kualiti kesihatan hati mahupun jasmaninya.

Oleh yang demikian, dapat diperhatikan bahawa wujudnya hubungan yang erat antara kekuatan kesihatan fizikal dan kejiwaan.

Dalam pengertian yang mudah, serangan penyakit degeneratif yang terkena tubuh badan seseorang sebagai akibat dari kelemahan hubungan nilai kerohanian dan kejiwaan dengan Allah SWT contohnya perlakuan maksiat, kemurungan, stress dan sebagainya.

Demikian juga halnya dengan mengisi makanan berlebihan, lebih-lebih lagi dari sumber yang haram, sangat berperanan melemahkan jiwa dan diri seterusnya merosakkan sistem ketahanan tubuh badan manusia.

Berasaskan kaedah kebersilangan tersebut kekuatan rohani memegang peranan penting dalam penjagaan kesihatan, pengubatan serta rawatan malah sangat berpengaruh dalam menentukan bahkan menjayakan proses kesembuhan.

Oleh yang demikian, pesakit perlu mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menanamkan keyakinan yang tinggi bahawa Allah SWT yang maha menyembuhkan dan menyedari bahawa sakit adalah tanda kasih sayang Allah SWT. Sebagai seorang muslim yang ditimpa penyakit dan tetap sabar tanpa menafikan usaha mencari jalan penyembuhan akan mendapat keampunan Allah SWT.

Ibn Qayyim menggunakan istilah pengaruh dorongan aspek rohani atau spiritual ini sebagai *quwā wa tabāi'* mukhtalifah (kekuatan dan daya tahan tubuh) dan juga *ta'thir al-arwāh fi al-ajsām* (pengaruh kerohanian/institusi/dorongan dalam tubuh)

Kebenaran unsur dorongan dalaman ini benar-benar dapat dirasakan bagi seseorang yang memiliki nilai keimanan dan kepatuhan kepada Allah SWT.



sumber : <https://klinikminda.com/>

Ibn Qayyim menukilkan hadis "Setiap penyakit itu ada ubatnya" dan memberi gambaran dorongan dalaman tersebut dapat bertindak sebagai daya tahan tubuh manusia dalam usaha menghadapi penyakit.


Menurut beliau, menerusi hadis tersebut hati pesakit akan berpaut dengan semangat harapan akan sembuh sekaligus menurunkan kadar perasaan kecewanya dan meningkatkan nilai harapannya. Apabila jiwa menjadi kuat maka terpancarlah kehangatan tabiinya yang menjadi sebab kepada kekuatan jiwa yang hidup, berperasaan dan bersifat tabii.

Apabila jiwanya kuat maka daya ketahanan tubuhnya meningkat (*quwā wa tabāi'*)

seterusnya mampu melawan penyakit dan menghindarkannya.

Menurut beliau dengan bersandarkan kepada hadis ini juga bagi pihak doktor pula akan terus meningkatkan usaha mencari ubat dan penawar menerusi pemerhatian demi pemeliharaan untuk menghilangkan penyakit tersebut.

Faktor berikutnya yang berpengaruh membangkitkan dorongan dalaman ini adalah peranan akal yang turut berperanan menentukan keberhasilan proses penyembuhan sama ada menerusi usaha penjagaan kesihatan, pengubatan mahupun rawatan penyakit.



sumber : <https://www.gettyimages.ie>

Apabila sistem imun menurun atau tubuh menghadapi penyakit, maka usaha recoverynya sangat memerlukan kajian ilmu yang benar dan realiti. Suatu penyakit - apabila diketahui punca dan titik kelemahannya - akan semakin cepat sembuh apabila terapi yang digunakan mengikut kaedah ilmunya.

Penyakit berkaitan hati (marād al-qulub) perlu kepada terapi ubatan dan rawatan yang sesuai dengan keperluan dan kaedah ilmunya seperti iman dan ilmu, ibadah solat yang khusyuk, puasa, zakat dan sedekah, doa dan zikir, ruqyah syar'iyah, taubat nasuha dan sebagainya.

Sebaliknya, penyakit berkaitan tubuh badan (marād al-abdān) juga perlu kepada terapi ubatan dan rawatan

yang sesuai dengan keperluan dan kaedah ilmunya seperti fisiologi, patologi, anatomi, dietologi, herbalogi dan sebagainya.

Jelasnya, pembangunan aspek kejiwaan, mental dan emosi akan mempengaruhi status kestabilan kesihatan tubuh badan.

Di samping itu, pembangunan aspek tersebut juga berperanan penting menentukan keberhasilan proses penyembuhan sama ada melalui terapi kaedah rawatan atau ubatan dengan membangkitkan unsur kekuatan fitrah dalaman sekaligus dapat meningkatkan kekuatan dan kemampuan sistem imun.

Merujuk kepada penyakit hati dan badan yang tersebut, Ibn Qayyim menukilkan hadis-hadis yang menjelaskan setiap penyakit ada penawarnya

Beliau berpandangan bahawa antara penyakit berkaitan hati dan badan tidak berbeza dari sudut kewujudan kaedah penawarnya.

Antaranya beliau turut menggariskan tiga syarat utama bagi mencapai kesembuhan daripada penyakit hati iaitu; (1) penemuan ubat penawar yang sesuai, (2) penggunaan ubat secara tepat, dan (3) mendapat keizinan daripada Allah SWT.

Ketiga-tiganya juga turut terpakai dalam pengubatan penyakit fizikal yang akan dibahaskan dalam perbincangan seterusnya.

Penyakit hati (marad al-qulub) dan penyakit fizikal (marad al-abdān) ini mensasarkan dua aspek pengubatan dan rawatan juga iaitu; (tibb wa 'ilāj al-qulub) dan (tibb wa 'ilāj al-abdān).



sumber : <https://www.mingguanwanita.my/>



sumber : <https://www.tvonenews.com/>

KLASIFIKASI PENYAKIT DAN PERUBATAN

Penyakit dapat dikategori kepada dua jenis iaitu; penyakit rohani yang berkaitan dengan hati (marad al-qulub) dan penyakit jasmani yang berkaitan dengan sistem tubuh badan (marad al-abdān).

Sebagaimana yang tersebut, penyakit terbahahagi dua maka kaedah rawatan dan pengubatan yang bertindak sebagai lawannya menurut beliau juga terbahagi kepada dua aspek iaitu; pengubatan hati (tibb wa ilāj al-qulub) dan pengubatan badan (tibb wa 'ilāj al-abdān).

PENYAKIT DAN PENGUBATAN ASPEK ROHANI

Secara umum, kaedah pengubatan atau rawatan penyakit rohani ini urusannya diserahkan kepada Allah SWT dan RasulNya yang merujuk kepada panduan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama terapi penyembuhannya yang sangat berkesan.

Perbandingan antara dua penyakit hati atau rohani ini mempunyai persamaan dan perbezaan, namun penyakit syubhat dan keraguan lebih parah berbanding penyakit syahwat.

Kesembuhan penyakit syahwat dapat diatasi apabila syahwatnya dapat ditunduk atau dilampiaskan dengan cara yang dihala dalam Islam. Sebaliknya penyakit syubhat dan keraguan, tidak akan sembuh selagi mana Allah SWT tidak memberi petunjuk, taufiq, hidayah dan limpahan rahmat-Nya.

Seringkali penyakit hati bertambah parah tetapi pesakit tidak menyedarinya kerana ia tidak mengetahui atau jahil cara penyembuhan dan sebab-sebab timbulnya penyakit tersebut.

Kadangkala hatinya sudah mati namun pesakit tidak menyedarinya sehingga sama sekali tidak merasa sakit akibat luka-luka dari berbagai perbuatan buruknya dan tidak mepedulikan nilai kebenaran.

Dalam satu keadaan ada juga yang merasakan sakitnya namun tidak sanggup menaggung dan menahan pahitnya ubat. Selagi masih bersarang dan berpengaruhnya penyakit tersebut di hatinya, semakin sukar dirinya menelan ubat dengan melawan hawa nafsu yang berat bagi jiwa tersebut meninggalkannya.

Dalam menangani penyakit hati ini pesakit kadangkala memaksa dirinya untuk bersabar, kemudian tekadnya luntur sedikit demi sedikit dan akhirnya tidak mampu meneruskannya lagi kerana kelemahan ilmu, keyakinan dan ketabahan.

Menyedari permasalahan ini, pengkaji melihat banyak penekanan yang dibincangkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam fasal-fasal rawatan penyakit samada jasmani mahupun rohani terarah kepada terapi penyembuhan dan rawatan penyakit hati ini. (Ibid, 1992, 4: 4-8)

Sehubungan dengan penyakit hati yang mengenai seorang muslim, walaupun hatinya berpenyakit namun masih terdapat unsur-unsur yang dapat menghidupkan hatinya seperti beriman kepada Allah SWT, kasih murni, ikhlas dan bertawakkal kepada-Nya.

Di samping unsur-unsur yang menghidupkan masih ada di hatinya terdapat juga unsur-unsur yang merosakkan hatinya seperti kecenderungan kepada hawa nafsu, hasad, takabbur, riyak, 'ujub, cintakan kekuasaan dan kemewahan yang mendorong kepada melakukan kerosakkan di muka bumi.

Justeru, dengan sebab terdapatnya unsur-unsur yang merosakkan tersebut maka hati akan terkena penyakit. Dalam konteks ini Ibn Qayyim membahagikan penyakit hati ini kepada dua kategori: (1) Penyakit syubhat dan keraguan :

Penyakit hati kategori ini lebih merbahaya, antaranya seperti penyakit kejahilan, riyak dan takabbur. (Surah al-Baqarah, 2: 10)

Akibat daripada penyakit hati dan kerosakkan yang berlaku maka si penderita tidak dapat merasakan gejalanya. Hal, ini disebabkan kerana kejahilan dan pengaruh hawa nafsu menghalang daripada merasakan wujudnya penyakit. Jika tidak kerana faktor tersebut, tentu penghidapnya akan merasa kesakitan yang menimpa hatinya.

Kategori ini adalah jenis penyakit yang paling berbahaya dan paling sukar disembuhkan dan penawar kesembuhannya hanya dengan merujuk kepada sumber al-Quran dan al-Hadis dan hanya diperolehi menerusi panduan Rasulullah s.a.w..

2) Penyakit syahwat : Bagi yang menghidapi penyakit hati kategori ini dapat merasakan gejala sakitnya secara serta merta seperti kemurungan, resah, gelisah, sedih dan marah.

Gejala yang seumpama dengan penyakit hati jenis ini di bawah himpunan penyakit syahwat. (Surah al-Ahzāb: 33:32) Penyakit hati dalam kategori ini boleh di rawat dengan kaedah pengubatan yang biasa seperti dengan cara mencari punca dan menghilangkan sebabnya atau pengubatan melalui kaedah sesuatu yang berlawanan dengan sebab-sebabnya atau faktor-faktor yang dapat memulihkan kesihatannya.

Justeru, kadangkala hati akan merasa sakit dengan sesuatu yang menyakiti anggota badan bahkan hati akan merasa malang disebabkan badan yang ditimpa kemalangan. Demikian pula sebaliknya, badan akan turut merasakan sakit dengan sesuatu yang menyakitkan hati dan badan akan merasa malang kerana sesuatu yang menyebabkan hati menjadi malang.



sumber: <https://alazharpeduli.or.id/publikasi/>

Kedudukan penyakit hati seperti yang tertera di atas, membawa gejala kepada penghidapnya berada dalam delima antara menyahut seruan Allah SWT, Rasul-Nya dan hari akhirat atau menyahut seruan duniawi yang bersifat sementara.

Oleh yang demikian, bagi seorang muslim yang menyedari dirinya sebagai penghidap penyakit hati perlu berusaha dengan segenap upaya untuk mencari ubat dan penawar yang benar-benar dapat menyembuhkan penyakit-penyakit hati tersebut.

Sebaliknya, bagi yang tidak menyedarinya tentang dirinya sebagai penghidap penyakit hati maka peranan orang lain amat diperlukan untuk memberi kesedaran kepada si penghidapnya bahkan perlu turut serta membantu untuk menyembuhkannya.

Sekiranya hal ini tidak dilakukan maka mereka yang menghidap penyakit hati akan berterusan mendurhakai Allah SWT dan RasulNya dan melakukan kerosakkan di muka bumi.

Berkaitan aspek ini juga, antara keistimewaan perubatan Nabi terkandung dalam kemampuannya untuk merawat penyakit-penyakit berkaitan hati.



sumber:

<https://www.freepik.com/premium-photo/>

Hakikatnya hanya boleh disembuhkan melalui pengubatan bersumberkan wahyu melalui para rasul (tibt al-rusul). (Ibid, 1992, 4: 7)

Pengislahan hati sebagai suatu kaedah terapi yang bertindak merawat penyakit yang merosakkan hati dan ia merupakan tempat terpahatnya akidah berpaksikan pegangan tauhid yang sebenar.

Implimentasinya merangkumi proses mengenal tuhan (ma'rifatullāh) secara menyeluruh, mengenal nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatanNya (ma'rifat al-asmā' wa al-sifāt wa al-af'āl) dan melaksanakan segala hukum-hukum ketetapanNya (ma'rifat bi muqtada al-Shari'ah).

Selanjutnya, menerusi pendekatan tauhid sebagai asas terapi rawatan penyakit-penyakit hati perlu disusuli dengan melaksanakan keseluruhan ketetapan syariah-Nya.

Oleh yang demikian segala yang diperintahkan oleh Allah SWT perlu dipatuhi sebaliknya semua larangan-Nya perlu di jauhi sama sekali. Urusan ini terkandung dalam tuntutan ('amal bi-al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar).

Hal yang demikian ini akan membawa seseorang muslim memperoleh keredhaan dan kasih sayang Allah SWT sekaligus memiliki hati yang hidup dan sihat serta bebas dari penyakit-penyakit hati yang merosakkan.

Terapi rawatan dan pengubatan rohani ini tidak boleh dicapai kecuali menerusi media wahyu yang disampaikan oleh para rasul. (Ibid, 1992, 4: 7)

Selain itu, unsur dalaman diri manusia menjadi aspek yang sangat perlu diberi perhatian. Aspek pengubatan penyakit hati melalui anasir-anasir pengimbang dalam diri manusia ini antara metode terapi kerohanian yang berkesan dan ia tidak terhad hanya kepada pengubatan hati bahkan merupakan media pengubatan berkesan terhadap penyembuhan penyakit-penyakit fizikal juga. (Ibn Qayyim, 1995, 13-39, 99-204 dan 331-342) dan (1995), al-Jawāb al-Kāfi, 17-403).

Namun, perbandingan antara kedudukan penyakit hati berbanding penyakit badan yang penghujungnya hanya akan mengakibatkan kematian sebaliknya bagi penderita penyakit hati akibatnya akan menanggung kesengsaraan yang berkekalan.

Oleh itu, peranan ilmu sangat penting dalam menjayakan proses rawatan dan penyembuhan penyakit ini. Bahkan, keperluan hati kepada ilmu melebihi keperluan pernafasan kepada udara atau air yang menjadi sumber bagi kehidupan ikan.

Sebagai mana perlunya cahaya kepada mata, pendengaran bagi telinga dan bertutur bagi lidah begitu juga keadaanya hati yang memerlukan ilmu untuk menjamin hati yang sihat dan sejahtera. (1995), Miftāh Dār al-Sa'ādah, hlm. 43, 305-307 dan 114-115. (1987), al-Fawāid, hlm. 10-11, 35-36, 111-112 dan 159.

Di samping itu, terapi kepada aspek kejiwaan sangat berkaitan dengan keperluan menghayati konsep dan nilai taubat, sabar, tawakal, sedih, takut, cinta, rindu, fana', berharap dan bersyukur, kebahagiaan, kemantapan doa dan zikir yang perlu diamalkan dalam kehidupan muslim. (2005), Madārij al-Sālikin bayn Manāzil Iyyāka Na'budu wa Iyyāka Nasta'in, (1987), Wābil al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib.

PENYAKIT DAN PENGUBATAN ASPEK FIZIKAL (TIBB AL-ABDĀN)

Memerihalkan perbincangan tentang perubatan dan rawatan aspek fizikal, Ibn Qayyim membahagikannya kepada dua kaedah sama ada secara fitrah (tibb fitri) dan pemikiran atau analisis dan pemerhatian atau diagnos (tibb fikri wa ta'ammuli).

Berdasarkan kepada analisis dan pemerhatian ini, bagi penyakit-penyakit yang saling menyamai dan berlaku dalam temperamen (*al-amrād al-mutashābihah al-hādithah fi al-mizāj*) akan menyebabkan hilangnya keseimbangan tubuh.



sumber : <https://semakanonline.com/doa-hari-arafah/>

Keadaan ini sangat dipengaruhi oleh faktor perubahan suhu iaitu; panas, sejuk, kering dan lembap atau kombinasi dua keadaan suhu dalam waktu yang sama iaitu; antara panas dan basah, panas dan kering, sejuk dan basah juga sejuk dan kering.

Bagi penyakit-penyakit yang mudah dirawat (*al-amrād al-basitah*) apabila kedudukan pesakit tergolong dalam tabiat badannya panas, sejuk, kering dan lembap sebaliknya bagi empat kombinasi dua keadaan suhu pula dikategorikan sebagai penyakit yang kompleks (*al-amrād al-murakkabah*).

Ibn Qayyim mempertimbangkan kedudukan sihat, sakit dan keberadaan antara dua keadaan tersebut dengan berpanduan kepada lapan keadaan dan tabiat suhu tubuh badan ini. (Ibid, 1992, 4 :8-9)

Menyentuh tentang kategori penyakit-penyakit fizikal atau material (al-amrād al-cāmmah) (Mohd Rifqi Zainuddin, 2006 : 7, Jalāl Abu al-Rub, 1999 : 20 dan Penelope Johnstone, 1998 : 6), yang saling menyamai dan berlaku dalam tamperamen (al-amrād al-mutashābihah al-hādithah fi al-mizāj) Ibn Qayyim menyatakan bahawa ia disebabkan oleh material berlebihan dalam tubuh, mengganggu kestabilan aktiviti rutinnya.

Penyakit dalam kategori ini terjadi ketika material berbahaya tersebut masih lagi berada dalam tubuh pesakit. Bagi penyakit kondiktif atau kualitatif (al-amrād al-mādiyyah wa al-kaifiyyah) pula terjadi selepas material berbahaya yang berada dalam tubuh berjaya dikeluarkan dan secara fizikalnya sudah tiada lagi namun masih terdapat kesannya dalam sistem tubuh.

Berkaitan aspek penyakit-penyakit organ (al-amrād al-āliyah) beliau menjelaskan berlakunya adalah disebabkan oleh ketidakstabilan salah satu daripada organ tubuh sama ada dengan berubah bentuknya, kelainan dalam rongga dan pembuluh darahnya, kulit menjadi kasar, berkurangan jumlah sel dan kelainan tulang atau perubahan kedudukannya. (Ibid, 1992, 4 : 8-9)



sumber : <https://www.peelcas.org/diversity-equity-and-inclusion/>

Membincangkan penyakit dan pengubatan aspek fizikal, Ibn Qayyim turut menyentuh dalam perbincangan fasal-fasal penyakit dengan menggunakan pendekatan ilmu perubatan teori dan ilmu perubatan amali. Sehubungan dengan aspek pendekatan ini, Osman Bakar turut menjadikannya sebagai bahan perbincangan dalam buku beliau Tauhid and Science.

Menurutnya, ilmu perubatan teori ('ilm al-tibb al-nazari) mengandungi lima cabang utama iaitu ilmu fisiologi ('ilm umur tabi'iyah), ilmu anatomi ('ilm al-tashrih), ilmu etiologi ('ilm ahwāl al-badan) dan ilmu simtomologi ('ilm bi al-dalā'il). Manakala bidang ilmu perubatan amali pula dibahagikan kepada rawatan dan penjagaan kesihatan. (Osman Bakar, 2008 :110-123)

KESIMPULAN

Metode terapi penyakit jasmani dan rohani sangat berkaitan dan perlu kepada kaedah kebersilangan (al-ishtibāk) sebagai suatu pendekatan mengenali punca sebenar penyakit.

Dalam usaha mencari kesembuhan keberkaitan antara elemen dalaman dan luaran tubuh manusia sangat penting dan berpengaruh bagi menentukan keberhasilan dalam proses pengubatan dan rawatan yang dilaksanakan.

Bahkan memurnikan hubungan pengubatan mahupun rawatan kedua-dua aspek ini mampu mengembalikan kesihatan dan keafiatan bahkan keselamatan dalam urusan dunia dan akhirat .Malik Badri, (1998), Abu Zayd al-Balkhi, 6 (2): 48-53.

RUJUKAN

Ibn Hajar al-'Asqalāni, al-Imām al-Hafiz Ahmad bin 'Ali, (1988), Fath al-Bāri bi Sharh Sahih al-Bukhāri, Cet. 2, Dār al-Bayān li al-Turath, Kaherah

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1992), Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khair al-'Ibād, tahkik, takhrij dan ta'liq oleh Shu'aib dan 'Abd al-Qadir al-Arnauth, Muassasah al-Risālah, Beirut.

Ibn Qayyim, (1961). Igāthatu al-Lahfān Min Mashāyidi al-Syaitān, Tahkik: Muhammad Sayyed Kailaniy, Kaherah: Mustafhā al-Babiy al-Halabiy.

Ibn Qayyim, (1979). al-Wābil alṣ ayyib min al-Kalim alṭ ayyib, tahkik, Abd al-Qādir al-Arnāawūṭ. Riyad: Ri'asah Idārah al-Buhūth al-Ilmiyyah wa al-Iftā wa al-D'wah wa al-Irshād.

Ibn Qayyim, (1979). Kitāb al-Ruh. Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qayyim, (1988). Cet. 2. Al-Jawāb al-Kafi li Man Sa'ala 'an al-Dawā' al-Shāfi. al-Qāherah: Dār al-Bayān li al-Turāth.

Ibn Qayyim, (1992). al-Fawā'id li Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Tahqiq: Sa'id al-Lahhām, Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnāni.

Penelope Johnstone, (1998), Medicine of the Prophet, The Islamic Texts Society, Cambridge

Ibn Qayyim, (1993). Ḥ adi al-Arwah ilā bilād al-Afrāh aw Wasf al-Jannah, tahkik dan takhrij oleh Yusuf cAli Badiwi dan Muhyi al-Din Mustu. Damsyik: Dār Ibn Kathir.

Ibn Qayyim, (1994). al-Dā' wa al-Dawā aw al-Jawāb al-Kāfi li man sa'ala 'an al-Dawā' al-Shāfi. al-Mansūrah: Dār al-Khulafā' li al-Nashr wa al-Tawzi'

Ibn Qayyim, (1995). Rawdāt al-Muhibbin wa Nuzhat al-Mushtāqin. Komentar Ahmad Shams al-Din, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

Jalāl Abu al-Rub (pntrj), (1999), Healing with the Madicine of the Prophet, Darussalam Publishers and Distributors, Riyādh

Malik Badri, (1998), Abu Zayd al-Balkhi: a genius whose psychiatric contributions needed more than ten centuries to be appreciated, Malaysian Journal of Psychiatry, 6 (2): 48-53.

Mohd Rifqi Zainuddin (pntrj), (2006), Berubat Mengikut Nabi s.a.w. Terapi Alternatif bagi Orang Islam, Jasmin Enterprise, Kuala Lumpur
Osman Bakar, (2008), Tauhid and Science: Islamic Perspectives on Religion and Science, ed. 2, Arah Publications, Kuala Lumpur.





قلعة عجلون

Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi, Mohd Al'ikhsan Ghazali

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia



sumber : <https://www.pexels.com/photo/>

الأردن ولاية من ولايات الشام الأربع، تتوسط فلسطين وسوريا ولبنان، مر على ثراها حضارات إنسانية عريقة، ودعا فيها مئات الأنبياء، وأخبر عنها النبي - صلى الله عليه وسلم - أنها أرض الرباط ومهبط الرسل، وفي الحديث

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي عَلَى الدِّينِ ظَاهِرِينَ لَعَدُوَّهُمْ قَاهِرِينَ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ إِلَّا مَا أَصَابَهُمْ مِنْ لُؤَاءٍ - أَيِ أذى - حَتَّى يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَذَلِكَ)). قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَأَيْنَ هُمْ؟ قَالَ: ((بَبَيْتِ الْمَقْدَسِ وَأَكْنَفِ بَيْتِ الْمَقْدَسِ))،

وتعني كلمة أكناف بيت المقدس النواحي والولايات التي تحيط ببيت المقدس، ومنها ولاية الأردن.

وتعتبر الأردن واحدة من أهم الممالك في الشرق الأوسط، وهذا يعود إلى موقعها الاستراتيجي بين الشام وشبه الجزيرة العربية، ومصر وبلاد الرافدين، وبالرغم من صغر مساحتها محدودة مصادرها، إلا أنها احتوت على آثار للكثير من الأمم والحضارات السابقة



sumber : <https://agetm.com/ms/Seni-dan-budaya/istana-ajloun/>

وقد واجهت ولايات بلاد الشام في القرن الخامس الهجري الموافق للقرن الحادي عشر الميلادي، هجمات عنيفة من الجيوش الصليبية، وقد أدرك الصليبيون الموقع الاستراتيجي للأردن، فسيطروا عليها وضموها لمملكة بيت المقدس، وأسسوا فيها قلعة حصينة جداً. وأسسوا مملكة القدس في العام 492هـ / 1099م. وقد قام القائد عز الدين أسامة بأمير من السلطان العادل صلاح الدين الأيوبي ببناء قلعة عجلون لتكون قاعدة عسكرية منيعة ضد هجمات الصليبيين ولتدافع عن شبكة المواصلات، وتحمي النواحي المحيطة بها.



sumber : https://alextravel.world/travel_guides/ajloun-castle/

تقع قلعة عجلون اليوم على بعد (70) كم شمال غرب العاصمة الأردنية عمان. وتعد هذه القلعة الحصينة من القلاع الإسلامية المشهورة. وتشرف على طرق الحج قديماً التي تربط بلاد الشام والحجاز، ومن يسيطر على قلعة عجلون يسيطر على المنطقة الممتدة بين بحيرة طبريا والبحر الميت. ونظراً لموقعها المرتفع فقد استعملت عبر تاريخها كمركز هام للحمام الزاجل، ومنازة لنقل الأخبار والبريد من حدود الفرات في العراق إلى القاهرة في ولاية مصر.



وقد قام الأمير عز الدين أسامة ببناء هذا الصرح الحصين في العام 1884م / 580 هجري، القائد عز الدين أسامة تربطه علاقة قرابة مع السلطان العادل صلاح الدين الأيوبي، فهو ابن أخ صلاح الدين الأيوبي، تقع قلعة عجلون ويسمى بعضها بعض الأردنيين بقلعة الربرض، تقع القلعة على قمة جبل عالية من قمم جبال عجلون الشاهقة، ويصل ارتفاع هذه القمة إلى 1050 متراً فوق سطح البحر، وقد سميت هذه القمة بجبل بني عوف الذي يشرف على غور وادي الأردن ابتداء من بحيرة طبريا التي احتلها الصهاينة في زمن النكبة الأولى في العام 1948م حتى البحر الميت، والذي يسيطر على نصفه الاحتلال الصهيوني حتى يومنا هذا.



sumber : <https://www.expedia.com/Ajloun.dx6205255>

وتطل قلعة عجلون على عدة وديان منها وادي كفرنجة ووادي الياض بالإضافة إلى وادي راجب. وفي زمن العثمانيين سُميت "قلعة ابن فريح"، إشارة إلى قبيلة الفريحات التي كانت تحكم تلك المنطقة.

وبنيت قلعة عجلون في بقعة استراتيجية مقابلة لحصن باب الهوى لمراقبة وترصد تحركات الجيوش الصليبية في تلك المنطقة، وللسيطرة على مناجم الحديد التي تشتهر بها تلك المرتفعات، وقد قام ببناء القلعة ببناء أربعة أبراج عند زوايا القلعة، وفي كل برج برزت منه فتحة ضيقة مخصصة لرمي السهام، والزائر لقلعة عجلون يلاحظ أنها محاطة بخندق عميق يبلغ عرضه حوالي 16 متراً، ويصل عمقه ما بين 12 - 15 متراً، وكانت الغاية من حفر هذا الخندق ليكون سدا منيعاً يحول دون الوصول إلى جدران القلعة. تكثر الدهاليز والممرات الضيقة في القلعة، وفيها القاعات الفسيحة التي كانت منامات للجند وإسطبلات لخيول الأيوبيين، إضافة إلى آبار المياه التي تتسع لآلاف الأمتار المكعبة من مياه الأمطار.

وفي العام 611 هجري / 1214 ميلادي قام الأمير إيبك بن عبد الله ببناء البرج الجنوبي الشرقي، وفي منتصف القرن السابع الهجري أمر الملك صلاح الدين يوسف والي حلب ودمشق بإعادة بناء البرج الشمالي الشرقي، وبعد الانتهاء من عمليات التجديد والصيانة لهذا البرج قام المغول بالسيطرة على قلعة عجلون، ودخلوها في العام 1260 ميلادي، وبعد هزيمة المغول على يد المماليك في المعركة الشهيرة المعروفة بمعركة عين جالوت قام السلطان الظاهر بيبرس بإعادة تجديد القلعة بعد أن خربها المغول، وأمر بتنظيف خندقها واتخذها كمخزن للمحاصيل الزراعية والمؤن، وعين عليها القائد عز الدين أيبك، والذي أمر بصيانة أجزاء من القلعة.



sumber : <https://agetm.com/ms/Seni-dan-budaya/istana-ajloun/>



sumber : <https://www.expedia.com/Ajloun.dx6205255>

لفتت قلعة عجلون انتباه العديد من الرحالة المسلمين والمؤرخين، وذكروها في كتبهم، وقاموا بوصفها وصفاً دقيقاً في مؤلفاتهم، فهذا الشيخ شمس الدين الدمشقي المتوفى في العام 1327 ميلادي يقول عنها في مؤلفه الشهير "نخبة الدهر في عجائب البر والبحر" : "فيها حصن حسن حصين وفيه مياه جارية وفواكه كثيرة، وأرزاق غزيرة، وهو مشرفٌ يُرى من مسيرة أربعة أيام".

وهذا الرحالة الشهير ابن بطوطة قد وصفها بقوله: "ثم سافرت منها (نابلس) إلى مدينة عجلون، وهي مدينة حسنة لها أسواق كثيرة وقلعة خطيرة ويشقها نهر ماؤه عذب". وذكرها العلامة ابن شاهين الظاهري المتوفى عام 1467م، في كتابه "زبدة كشف الممالك" بقوله: "وأما مدينة عجلون فلها قلعة وإقليم يشتمل على قرى عدة، وهي جبال وأودية، وتوجد ثلاث قرى مزدهرة؛ عجلون وعنجرة وكفرنجة، وتكثر الخرائب الأثرية في هذا الوادي، ما يدل أن هذه الجهة كانت حافلة بالقرى أو المدن في العصور القديمة، وقد رأيت بستاناً فيه أنواع الأشجار المثمرة وتكثر الطواحين في الوادي وقد عدت اثنتي عشرة طاحونة".

ويذكر د. يوسف غوانمة في كتابه "التاريخ السياسي لشرق الأردن" أن عجلون "كانت في عهد دولة المماليك الأولى من أهم الدروب الاقتصادية، بل هي الممر الوحيد الذي تسلكه قوافل التجارة بين العراق ودمشق والقاهرة، ولعل ذلك راجع لتعذر دخول البدو إليها، ومهاجمة القوافل التجارية.

وفي عصر الإمبراطورية العثمانية تحولت القلعة لتكون حامية عثمانية مؤلفة من خمسين جندياً، وفي الربع الأول من القرن السابع عشر الميلادي اتخذها الأمير فخر الدين المعني الثاني كحامية له في الفترة التي اشتد فيها الصراع بينه وبين أحمد بن طرباي، وزودها بالعتاد المؤن، وظلت القلعة مأهولة حتى العام 1882 ميلادي، ويقيم فيها ما يقارب الأربعين شخصاً من عائلة بركات.

واجهت قلعة عجلون عدة هزات أرضية في الفترة ما بين 1837 حتى العام 1927، وقد تعرضت القلعة نتيجة لهذه الهزات إلى تصدعات وانهيارات أثرت على بنيتها العمرانية، مما حد بدائرة الآثار العام الأردنية لمباشرة أعمال الإصلاح والصيانة، وقامت بتقوية الجدران المحيطة بها.

وقد أصبحت قلعة عجلون تشكل معلماً سياحياً بارزاً في الأردن، فقد زار القلعة في السنوات العشر الأخيرة أكثر من مليون ونصف سائح جاؤوا إليها من شتى بقاع العالم



sumber : <https://agetm.com/ms/Seni-dan-budaya/istana-ajloun/>



sumber : <https://www.expedia.com/Ajloun.dx6205255>



sumber : <https://jordan-car-and-driver.com/ajloun-castle/>

SYARAH HADIS MA'AN BIN YAZID: "BAGIMU APA YANG KAMU NIATKAN"

Mohd Al'ikhsan Ghazali ,
Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia



sumber : <https://www.freepik.com/premium-ai-image>



sumber : <https://www.indahnyaislam.my/>

عن أبي يزيد معن بن يزيد بن الأخنس رضي
الله عنهم وهو وأبوه وجدّه صحابيُّون، قال:
كان أبي - يزيد - أخرج دنانير يتصدق بها،
فوضعها عند رجل في المسجد، فجئت
فأخذتها، فأتيته بها، فقال: والله ما إياك
أردتُ! فخاصمته إلى رسول الله صلى الله
عليه وسلم فقال: «لَكَ مَا نَوَيْتَ يَا يَزِيدُ، وَلَكَ
مَا أَخَذْتَ يَا مَعْنُ». رواه البخاري.

Daripada Abi Yazid Ma'an bin Yazid bin Akhnas R. A, dia, ayahnya dan datuknya adalah sahabat, dia berkata: Ayahku Yazid telah mengeluarkan beberapa dinar untuk disedekahkan. Beliau telah letakkan duit itu kepada seseorang di masjid (sebagai wakil untuk diagihkan).

Lalu aku datang ke sana dan mengambil duit itu. Aku bawa duit itu bertemu dengan ayahku. Dia berkata: Demi Allah! Bukan kamu yang aku maksudkan untuk diberikan. Lalu kami datang bertemu Rasulullah SAW mengadu hal perselisihan itu. Baginda bersabda:"Bagimu apa yang kamu niat wahai Yazid dan bagimu apa yang kamu ambil wahai Ma'an". Riwayat Bukhari.

FIQH HADIS

BAGIMU APA YANG KAMU NIATKAN

1) Ini menunjukkan sesuatu amalan adalah berdasarkan niat. Seseorang apabila dia niatkan sesuatu kebaikan dia tetap akan memperoleh pahala kebaikan terhadap apa yang diniatkan itu. Yazid tidak berniat pun duitnya itu diambil oleh anaknya, namun demikian anaknya telah datang dan mengambilnya. Anaknya Ma'an adalah dari kalangan mereka yang berhak mendapat sedekah. Rasulullah saw telah memperakunya.

2. Seseorang itu ditulis baginya pahala kebaikan terhadap apa yang diniatkan walaupun berlaku sebaliknya (iaitu tidak berlaku apa yang diniatkannya.) Berbagai isu boleh disandarkan kepada kaedah ini, antaranya:



sumber : <https://www.facebook.com/masjidnegaramalaysia>



sumber : <https://www.muslimaid.org/>

i. Sekiranya seseorang itu memberikan zakatnya kepada seseorang yang disangkanya termasuk ahli yang berhak menerima zakat, namun setelah itu ternyata dia seorang yang kaya dan tidak termasuk daripada asnaf yang berhak mendapat zakat. Dalam hal ini, bayaran zakatnya telah diterima dan telah gugur kewajipan membayar zakat. Dia telah berniat untuk memberi zakat itu kepada ahlinya, maka setelah berniat sedemikian baginya pahala tersebut.

ii. Sekiranya seseorang itu berhasrat mewakafkan rumah yang kecil. Lalu dia berkata: "Aku wakafkan rumah itu", lalu dia tunjukkan ke arah rumah yang besar bersalahan dengan apa yang diniatkan. Dalam kes ini, perkiraan adalah mengikut apa yang diniatkan bukan mengikut apa yang tersasul diucapkan atau tersilap ditunjukkan.

iii. Seseorang yang jahil yang tidak boleh membezakan antara haji dan umrah. Dia bersama rombongan dan telah dirancang untuk sama-sama berniat umrah. Namun begitu dia tersilap lalu melafazkan haji (لبيك حجا). Penyelesaiannya ialah mengikut apa yang diniatkan iaitu selagi mana yang dia telah qasadkan untuk menunaikan umrah dan bukan mengikut apa yang tersasul diucapkan.

iv. Seseorang berkata kepada isterinya: "Kamu bebas". Suami tersebut maksudkan bebas daripada kongkongan bukan bebas daripada ikatan perkahwinan. Perkiraan di sini ialah mengikut apa yang diniatkan dan tidak jatuh talak isterinya.

v. Hadis menunjukkan harus seseorang itu bersedekah kepada anaknya. Terdapat dalil yang lain juga iaitu:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِالصَّدَقَةِ، وَحَتَّى عَلَيْهَا، فَأَرَادَتْ زَيْنَبُ - زَوْجَةُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنْ تَصَدَّقَ بِشَيْءٍ مِنْ مَالِهَا، فَقَالَ لَهَا زَوْجُهَا: أَنَا وَوَلَدُكَ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتَ عَلَيْهِ - لَأَنَّهُ كَانَ فَقِيرًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - فَقَالَتْ: لَا حَتَّى أَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «صَدَّقْ ابْنُ مَسْعُودٍ! زَوْجُكَ وَوَلَدُكَ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَيْهِمْ» رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Ketika Nabi saw menggalakkan amalan bersedekah, Zainab isteri kepada Abdullah bin Masud R.A berhasrat untuk bersedekah dengan sebahagian daripada hartanya. Lalu suaminya berkata kepadanya: Aku dan anak kamu lebih berhak untuk kamu bersedekah (beliau merupakan seorang yang fakir). Zainab berkata: "Tidak, sehingga aku bertanya Rasullullah." Beliau pun bertanya kepada Rasullullah saw. Rasullullah saw menjawab: "Benar apa yang dikata oleh Ibn Masud, suami kamu dan anak kamu adalah lebih berhak untuk kamu sedekahkan." Riwayat Bukhari dan Muslim

KESIMPULAN

Segala amalan bergantung kepada niat. Niat yang baik tetap akan mendapat pahala walaupun tidak tercapai apa yang diniatkan. Niat diambil kira andaikata berlaku perselisihan antara lafaz dan niat.



sumber : <https://ulilbabab.org/project/infiaq-sedekah/>

vi. Difahami daripada hadis juga bahawa harus seseorang itu mengeluarkan zakat kepada anaknya dengan syarat pemberian itu bukan pemberian nafkah dan dia tidak menanggung nafkah anaknya itu lagi.

Contohnya seorang anak terlibat dalam kemalangan, dia diminta membayar satu pampasan. Si ayah boleh memberikan duit zakat kepada anaknya untuk anaknya membayar pampasan itu. Pemberian zakat bapa kepada anaknya itu adalah bukan kerana bapa ingin menggugurkan kewajibannya terhadap nafkah anaknya



sumber : <https://www.canva.com/design/>



sumber: <https://www.cnnindonesia.com/gaya-hidup/>

Zilal binti Saari

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu
Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia

**Dedikasi khas untuk semua Ibu
Angkat Susuan yang tidak
mengenal erti putus asa.**

Mungkin anda melihat di Blog saya ini menulis:

'MAMA: Yang mengandungkan, melahirkan, menyusukan dan mentarbiyahkan'

Mungkin anda berfikir

Blog ini hanya untuk wanita yang 'bertuah' seperti MAMA sahaja

Yang dikurniakan zuriat melalui proses 'semulajadi'

Mungkin anda terfikir

Tidak semua wanita yang 'bertuah' seperti MAMA

Lantas anda mengeluh

Pantaskah wanita yang tidak 'sebertuah' MAMA masih dapat merasai nikmat menjadi seorang ibu?

ANITA BERSIFAT RAHIM

Wahai wanita semua,

kita semuanya dikurniakan Allah dengan dua nikmat rahim
satu rahim tempat si anak membenih dan membesar
jika rahim itu masih belum direzekikan Allah untuk janin kalian
masih ada satu lagi rahim dalam dirimu

Itulah sifat rahim yang Allah kurniakan dalam jiwamu
'rahim'..ertinya
kasih..sayang..rindu..belas..cinta
buat si jantung hati
khas untuk buah hati
dan juga rahim itu sebenarnya adalah

Pengorbanan



sumber : <https://id.theasianparent.com/>



sumber : <https://www.kibrispdr.org/>



sumber : <https://stock.adobe.com/my/images/>

dengan sifat rahim itu
ada wanita yang dianggap tidak 'sempurna'
kerana tidak melahirkan
menanti setiap detik kelahiran bayi untuk diangkat
malah pada saat pertama kali menatap
wajah bayi yang tidak berdosa
wanita ini bertekad untuk menyusukan bayi
comel itu

Biarpun dicerca, dikritik dan dipandang
serong oleh segelintir yang tidak memahami
wanita ini sanggup berkorban apa saja
demi untuk meng'ada'kan susu ibu
daripada kilang susu yang sememangnya wujud
tetapi tidak pernah beroperasi

bermulalah perjuangan wanita demi setitis
susu ibu
untuk anak tercinta
segala perit, sakit, penat, duka yang terpaksa
diharungi
mereka tidak pernah kenal erti putus asa
apa yang disemat di hati
dipancar melalui semangat yang tinggi



sumber : <https://www.kibrispdr.org>

mama.....

Sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan permohonan hambaNya

Akhirnya setitis susu keluar dari ibu

ibu ini tidak mengandungkan, tidak juga melahirkan namun

kerana niat yang ikhlas

asa yang tidak ada culas

dapat juga disusui anak itu

anak itu bukan lagi anak angkatnya

tapi kini sudah bergelar anak susuannya

darah daging ibu sudah mengalir dalam tubuh si anak apa lagi bahagia yang ingin dicari

kerana itulah kesempurnaan sebenar buat si ibu...

Kini **MAMA** yang dulunya dianggap 'bertuah'

sudah bertukar kaca matanya tentang erti seorang **MAMA**

MAMA yang penuh dengan sifat rahiimmm..

AL-QURAN DAN ANASIR PENYAKIT

Juhazren Junaidi, Mohd Fauzi bin Abu@Hussin, Arieff Salleh Rosman

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST),
Institut Penyelidikan Saintifik dan Perindustrian Ibnu Sina (ISI-SIR)
Universiti Teknologi Malaysia

AL-QURAN ADALAH PENYEMBUH

Pada umumnya kitab al-Quran selaku 'penyembuh' (shifā') sentiasa menganjurkan agar manusia memelihara dan menjaga kesihatannya. Hal demikian tidak lain agar mereka yang beriman sentiasa waspada terhadap anasir-anasir yang membawa kepada penyakit. Anggota perut adalah tempat menyimpan makanan dan minuman pada diri manusia. Kesihatan manusia amat tergantung kepada sesuatu yang dimasukkan ke dalam perutnya.

Oleh itu al-Quran menyebut soal berlebihan dalam makanan dan minuman sebagai isyarat tiada kebaikan. Hal ini disimpulkan dengan lafaz "Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas".

Sesuatu yang tidak disukai Allah sudah pasti mengundang perkara yang tidak baik kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, pernyataan tersebut tidak lain kecuali gesaan awal untuk seseorang menjalani hidup sihat. Sehubungan ini Allah SWT menjelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud;

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."
(Surah al-A'rāf, 7: 31)



sumber: <https://moxa.id/blog/syariah/>

Ayat di atas memberi panduan antara lain dalam soal makan dan minum. Perkara yang menjadi asas dalam hal ini ialah jangan melampaui atau keterlaluan. Arahan ini tidak hanya terbatas dalam urusan berkenaan dengan soal makan dan minum sahaja bahkan meliputi segenap aspek dalam lain-lain urusan kehidupan manusia.

Menyentuh tentang larangan daripada bersikap melampaui batas atau keterlaluan dalam sesuatu perkara atau urusan ini, Sa'id Muhammad al-Lahhām telah menggariskan empat perkara penting yang menjadi punca kepada penyakit jasmani disebabkan pengaruh sikap keterlaluan ini. Punca awalnya berkaitan penyakit hati iaitu: terlampau marah, takut, sedih dan gembira. Apabila diteliti secara mendalam tentang ternyata bahawa keterlaluan melayani keempat-empat sifat ini sehingga tidak terkawal terbukti banyak mendatangkan kesan berlakunya penyakit-penyakit fizikal bahkan berupaya memusnahkan sosial masyarakat.

Pada masa yang sama al-Quran juga memberi panduan kemungkinan terjadinya penyakit apabila seseorang itu melanggar arahan dan ketetapan Allah SWT.



sumber: <https://www.dream.co.id/dinar/>



sumber: <https://muslimahdaily.com/khazanah/muslim-digest/>

Memerihal perkara ini Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid.

katakanlah: "Darah haid itu satu benda Yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

(Surah al-Baqarah, 2: 222)

Al-Quran juga mengarahkan agar manusia mengelak dari memakan bangkai, darah, daging babi dan menegah manusia dari meminum arak. Semua ini adalah asas penjagaan kesihatan bagi memelihara tubuh badan agar tidak berpenyakit.

Maksud firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.

Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”


(Surah al-Baqarah, 2: 173)

Ayat di atas menegaskan perihal larangan memakan bangkai yang termasuk dalamnya binatang-binatang yang mati tanpa disembelih kerana Allah SWT. Hal ini membawa kemudaratn kepada tubuh badan si pemakannya. Sementara aspek-aspek meramal untung nasib dengan anak-anak panah pula mewakili aspek-aspek penyakit bersifat kejiwaan. Iaitu jiwa manusia yang telah dicemari dengan unsur-unsur khurafat dan kepercayaan karut.

Menegaskan hal ini Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 90)



sumber: <https://omiw.com.my/Web/2019/>

MARAD AL-ABDAN (PENYAKIT FIZIKAL)

Marad al-Abdan bermaksud penyakit jasmani yang merupakan kebalikan daripada situasi sihat sejahtera, iaitu keluar dari keseimbangannya yang bersifat tabii. Anasir-anasir yang membawa kepada penyakit jasmani terdiri daripada aspek pemakanan, minuman, pengudaraan dan sekitaran.

Pemakanan yang tidak seimbang, tidak mengandungi gizi, atau makanan tercemar boleh membawa kepada penyakit. Begitulah juga halnya dengan minuman. Sementara pengudaraan dan persekitaran yang kotor akan menyebabkan sistem penafasan manusia terganggu.



sumber: <https://www.bharian.com.my/>

Semua ini membawa dan mendedahkan manusia kepada berbagai jenis pembawaan penyakit. Ibn Qayyim al-Jawziyyah memperingatkan langkah-langkah berikut perlu diambil agar seseorang dapat mengawal status kesihatannya dengan baik, antaranya:

Aspek Pemakanan

Islam menyarankan agar dalam pengambilan makanan dan minuman seseorang dapat memelihara tahap permakanan yang baik. Ada tiga tahap, iaitu keperluan, sekadar mencukupi dan berlebihan.

Panduan umum kaedah pemakanan adalah mengambil sekadar keperluan dan tidak secara berlebihan ini sebenarnya terhimpun juga dalam seluruh amalan perubatan. Bahkan Ibn Qayyim al-Jawziyyah turut menjelaskan panduan permakanan beserta kaedah yang betul dalam fasal khusus di bawah tajuk "Petunjuk Nabi s.a.w. menjaga sistem penghadaman, keperluan dan peraturan makan dan minum."

Justeru dalam urusan makanan dan minum mestilah seimbang dengan penafasan agar badan tidak mudah letih dan diserang penyakit. Kenyataan tersebut terkandung dalam hadis berikut:

وعن أبي كريمة المقدام بن معديكرب رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول "ما ملأ آدمي وعاء شراً من بطن، بحسب ابن آدم أكلات يقيم صلبه، فإن كان لا محالة؛ فتلت لطعامه وتلت لشربه، وتلت لنفسه".

Maksudnya: "Tidak ada tempat yang diisi oleh anak keturunan Adam yang lebih buruk daripada perutnya. Cukuplah bagi anak keturunan Adam agar makan sekadar untuk menegakkan tulang sulbinya. Melainkan jika dia tidak dapat mengelak, maka isilah sepertiga untuk makanannya, sepertiga untuk minumannya dan sepertiga untuk nafasnya."

[Riwayat al-Tirmizi (2380)] [Hadith ini dinilai hasan sahih oleh Imam al-Tirmizi]

Dari aspek penjagaan kesihatan, al-Quran menganjurkan agar tidak memakan makanan dan minuman yang ditegah. Makanan dan minuman yang ditegah adalah kotor sifatnya sama ada dari aspek rohani mahupun jasmani.

Hal ini akan memberi kesan kepada kesihatan seseorang sepertimana yang ditegaskan oleh Ibn Qayyim perihal perlunya seseorang itu mengambil makanan yang bersih dan halal dalam tulisannya *Zād al-Ma'ād*, fasal 40 dan 54. Kenyataan yang ditegaskan oleh beliau itu selaras dengan ketetapan al-Quran yang menganjurkan agar memakan makanan yang halal dan baik (*tayyib*). Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya : "Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."

(Surah al-Baqarah, 2: 168)



sumber: <https://www.sehatq.com/artikel/>

Selain menyebut istilah *zakiyy* sehubungan dengan makanan, al-Quran juga menggunakan istilah *tayyib*. Dalam surah al-A'rāf, 7:160 digunakan istilah *kulu min tayyibat* (makanlah dari (makanan) yang baik-baik). Manakala dalam surah al-Nahl, 16:114 al-Quran menambah satu istilah lain lagi iaitu *halalan tayyiban*. Ketiga-tiga istilah ini menjadi kata kunci dalam soal memilih makanan menurut al-Quran.

Aspek Pemakanan

Sifat makanan seperti ini diperintahkan Allah SWT kepada Nabi dan sewajarnya diikuti oleh umatnya.

Menjelaskan hal ini Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; Sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”
(Surah al-Mu'minun, 23: 51)

Sehubungan dengan hal ini adalah disarankan supaya hanya mengambil makanan yang berguna dan sesuai dengan keperluan tubuh serta seimbang dalam ukuran dan kualitinya. Jika hal ini dipatuhi, maka tubuh akan dapat mengambil manfaat yang lebih banyak dari semua makanan tersebut berbanding makanan yang banyak jumlahnya.



sumber: <https://www.detik.com/hikmah/doa-dan-hadits/>

Tubuh hanya menjadi kuat dengan sukatan makanan bermanfaat (bergizi) yang diterimanya, sebaliknya bukan dengan cara mengambil makanan sebanyak mungkin. Hal yang perlu diperhatikan dalam soal ini ialah kualiti bukannya kuantiti, kerana manusia mengandungi tiga unsur iaitu tanah, angin dan air.

Justeru, Nabi s.a.w. membahagikan perut supaya dapat menampung ketiga-tiga unsur tersebut untuk mengekalkan diri agar sentiasa berada dalam keadaan sihat

a) Udara

Udara sebagai teras penafasan manusia juga antara penyebab kepada penyakit sekiranya berkurangan, tidak mencukupi dan tercemar. Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyebut hakikat ini ketika menjelaskan masalah wabak yang disebabkan oleh pencemaran udara.

Begitu juga halnya dengan cara pengambilan makanan perlu mengambil kira soal kesederhanaan kuantitinya agar seimbang dan mencukupi antara keperluan makanan, minuman dan penafasan. Perlanggaran terhadap kaedah ini menjadi faktor yang boleh mengakibatkan berlaku kerosakkan dan mengundang kemudaratan aspek rohani dan jasmani.



sumber: <http://www.myhealth.gov.my/piramid-makanan-malaysia/>

Memerihalkan pemeliharaan aspek ini juga, adalah disarankan agar sistem pengudaraan dalam rumah hendaklah dijaga supaya sentiasa bersih.. Justeru, al-Quran juga menyebut bagaimana pentingnya udara bagi memelihara kesinambungan penafasan seseorang, hinggakan apabila berlaku kekurangan udara membawa kepada kesukaran seseorang untuk bernafas dan ini membawa kepada kemudaratan tubuh badan.

Ayat al-Quran mengumpamakan hal ini sebagai mereka yang naik ke langit hingga dada menjadi sesak untuk bernafas. Ia adalah gambaran terhadap kesesatan daripada menerima Islam yang secara jelas memudaratkan rohani dan jasmani.

Aspek Pemakanan

Sifat makanan seperti ini diperintahkan Allah SWT kepada Nabi dan sewajarnya diikuti oleh umatnya.

Menjelaskan hal ini Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; Sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”
(Surah al-Mu'minun, 23: 51)

Sehubungan dengan hal ini adalah disarankan supaya hanya mengambil makanan yang berguna dan sesuai dengan keperluan tubuh serta seimbang dalam ukuran dan kualitinya. Jika hal ini dipatuhi, maka tubuh akan dapat mengambil manfaat yang lebih banyak dari semua makanan tersebut berbanding makanan yang banyak jumlahnya.



sumber: <https://www.detik.com/hikmah/doa-dan-hadits/>

Tubuh hanya menjadi kuat dengan sukatan makanan bermanfaat (bergizi) yang diterimanya, sebaliknya bukan dengan cara mengambil makanan sebanyak mungkin. Hal yang perlu diperhatikan dalam soal ini ialah kualiti bukannya kuantiti, kerana manusia mengandungi tiga unsur iaitu tanah, angin dan air.

Justeru, Nabi s.a.w. membahagikan perut supaya dapat menampung ketiga-tiga unsur tersebut untuk mengekalkan diri agar sentiasa berada dalam keadaan sihat

a) Udara

Udara sebagai teras penafasan manusia juga antara penyebab kepada penyakit sekiranya berkurangan, tidak mencukupi dan tercemar. Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyebut hakikat ini ketika menjelaskan masalah wabak yang disebabkan oleh pencemaran udara.

Begitu juga halnya dengan cara pengambilan makanan perlu mengambil kira soal kesederhanaan kuantitinya agar seimbang dan mencukupi antara keperluan makanan, minuman dan pernafasan. Perlanggaran terhadap kaedah ini menjadi faktor yang boleh mengakibatkan berlaku kerosakkan dan mengundang kemudaratannya aspek rohani dan jasmani. Ujarnya :

أن فساد الهواء جزء من أجزاء السبب التام،
والعلة الفاعلة للطاعون فإن فساد جوهر الهواء
الموجب لحدوث الوباء وفساده.

Maksudnya : Kerosakan udara adalah salah satu bahagian punca lengkap dan punca wabak yang berkesan, kerana kerosakan dan kerosakan intipati udara adalah punca wabak itu tercetus.

Begitu juga halnya dengan cara pengambilan makanan perlu mengambil kira soal kesederhanaan kuantitinya agar seimbang dan mencukupi antara keperluan makanan, minuman dan pernafasan. Perlanggaran terhadap kaedah ini menjadi faktor yang boleh mengakibatkan berlaku kerosakkan dan mengundang kemudaratannya aspek rohani dan jasmani.



sumber: <https://www.wimhofmethod.com/>

Memerihalkan pemeliharaan aspek ini juga, adalah disarankan agar sistem pengudaraan dalam rumah hendaklah dijaga supaya sentiasa bersih.. Justeru, al-Quran juga menyebut bagaimana pentingnya udara bagi memelihara kesinambungan penafasan seseorang, hinggakan apabila berlaku kekurangan udara membawa kepada kesukaran seseorang untuk bernafas dan ini membawa kepada kemudaratannya tubuh badan.

Ayat al-Quran mengumpamakan hal ini sebagai mereka yang naik ke langit hingga dada menjadi sesak untuk bernafas. Ia adalah gambaran terhadap kesesatan daripada menerima Islam yang secara jelas memudaratkan rohani dan jasmani. Keyataan ini terkandung dalam maksud firman Allah SWT:

Maksudnya : “Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.”

(Surah al-Ancām, 6: 125)

Kepentingan menjaga aspek pengudaraan sangat penting lantaran berkaitan dengan pernafasan yang berperanan sebagai sumber kelangsungan hidup manusia.

Menjelaskan pengaruh aspek pernafasan dan udara ini juga Ibn Qayyim al-Jawziyyah menghuraikan tentang kesan tiupan dan isyarat ludahan (al-nafath dan al-tafal) menerusi terapi kaedah ruqyah dalam merawat pelbagai penyakit rohani mahupun jasmani.

Beliau mengemukakan hujah dan sandaran ketika menjelaskan hal tersebut dengan pendekatan ilmiyyah dan kerohanian.

b) Air

Air dikenal secara pasti sebagai asas kehidupan dan induk segala makanan. Bahkan ia sebagai salah satu tunggak yang paling utama bagi alam semesta kerana langit diciptakan dari bahang air, manakala bumi tercipta dari buihnya dan Allah SWT menciptakan segala sesuatu yang hidup dari air.

Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran tentang betapa pentingnya fungsi air bagi kehidupan. Sehubungan dengannya Allah SWT berfirman:

Maksudnya : “dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup”

(Surah al-Anbiyā', 21: 30)



sumber: <https://vcresearch.berkeley.edu/news>

Memerihalkan tentang air, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyatakan bahawa ia bersifat sejuk dan lembap, boleh mengurangkan kepanasan, menjaga tubuh agar menjadi segar dan memberi kelembapan.

Selain daripada itu, air dapat menggantikan sel-sel tubuh yang rosak di samping melembutkan makanan sehingga dapat menembusi pembuluh darah. Kualiti air dapat diperhatikan menerusi sepuluh kaedah seperti dijelaskan Ibn Qayyim al-Jawziyyah iaitu menerusi:

- warnanya dan air yang baik berwarna jernih
- baunya dan air yang baik tidak berbau
- rasanya; air yang baik tawar rasanya dan terasa agak manis seperti air sungai Nil dan Furat
- beratnya; air yang baik berkeadaan ringan dan lembut
- lokasinya; air dari kawasan yang pengalirannya baik
- sumbernya; air dari sumber mata air yang dalam
- air yang terdedah dengan angin dan panas matahari iaitu tidak tersembunyi di bawah tanah hingga tidak terkena angin dan panas matahari
- gerakan air yang mengalir dengan deras dan cepat
- kuantiti yang kadarnya banyak hingga boleh menghuraikan campuran yang tidak baik
- tempat air mengalir dari arah utara ke selatan atau dari arah barat ke timur.

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah lagi, jika diperhatikan air yang memenuhi pensyarahan di atas adalah air yang dimiliki oleh empat buah sungai berikut: Sungai Nil, Furat, Saihān dan Jaihān.

Menjelaskan pengaruh dan peranan air dengan kehidupan Ibn Qayyim al-Jawziyyah menghubungkannya dengan air hujan (ghaith) yang diulang sebut beberapa kali dalam al-Quran. Jelas beliau; namanya sahaja sudah amat nyaman didengari dan rasanya pula sangat sedap buat rohani dan jasmani.

Menyebut kata ghaith terasa selesa di telinga dan sedap di hati. Air hujan adalah kategori air yang paling baik, lembut, berguna, dan banyak keberkatannya.

Bahkan terutama sekali apabila turunnya hujan dari awan yang beserta guruh dan berkumpul di tasek-tasek pergunungan.



sumber: <https://www.istockphoto.com/id/foto-foto/hujan>

Di samping air hujan, Ibn Qayyim al-Jawziyyah turut menghuraikan beberapa keistimewaan, kepentingan dan kandungan jenis-jenis air yang lain antaranya; air salji dan embun, air perigi dan mineral, air zamzam, air sungai Nil dan air laut. Oleh itu, bagi menjamin kualiti air supaya kekal baik dan sihat maka amat perlu kepada pengurusan yang baik dan cekap.

RUJUKAN

Muhammad 'Uthmān bin Najāti, (2000), cet. 4, al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs, Dār al-Syuruq, Kaherah (2000), Psikologi Dalam Tinjauan Hadith Nabi s.a.w., terj. Wawan Djunaedi Soffandi, Mustaqim Penerbit Buku Islami, Jakarta Selatan.

Sa'id Muhammad al-Lahhām, (1991), al-Tadāwi bi al-Qur'ān al-Karim, Dār al-Fikr al-Lubnāni, Beirut, hlm. 12. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1979), al-Wābil al-Sayyib Min al-Kalim al-Tayyib.

'Abd al-Latif al-Baghdādi, (1990), al-Tibb al-Nabawiy, Dār Ibn Kathir li al-Tibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi', Beirut, cet. 1..

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khayr al-'Ibād, jld. 4.

Penulisan bersama, 2012, Fiqh Sains dan Teknologi: Dasar dan halatuju, Penerbit UTM Press, Skudai, hlm. 144-146.



sumber: <https://hq.moh.gov.my/nutrition/poster/>



Sebarkanlah ilmu

Apabila kamu belajar sesuatu ilmu, maka ilmu itu
akan memperbaiki hati dan membersihkan jiwa
kamu

- Imam Al-Ghazali -



*Terima
Kasih*